

KONSEP SASTERA ISLAM OLEH SHAHNON AHMAD

Prof. Madya Dr. Adli Bin Yaacob.¹

¹ Profesor Madya, Jabatan Bahasa Arab dan Sastera Kuliyyah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan, Universiti Islam Antarabangsa, Malaysia. E-Mel: adlihy@iiu.edu.my

Accepted date: 25 April 2017

Published date: 5 July 2017

To cite this document:

Yaacob, A. (2017). Konsep Sastera Islam Oleh Shahnon Ahmad. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 2(4), 66-93.

Abstrak: *Kajian ini secara khusus mendalami konsep sastera Islam yang digagaskan oleh Shahnon Ahmad. Istimewanya konsep yang digagaskan oleh Shahnon ialah; beliau tidak hanya bercakap dari segi teori semata mata tetapi bagaimana semestinya teori itu ditatbiqkan oleh para sasterawan. Pembinaan 'Konsep sastera Islam' mengikut Shahnon berdasarkan beberapa fakta penting antaranya; pertama; bagaimana ingin menerapkan Islam kedalam tulisan kreatif, kedua; apakah ciri ciri penting untuk melahirkan kesusasteraan Islam di Malaysia, ketiga; apakah faktor faktor yang menghalang penghayatan Islam di Malaysia khususnya dalam bidang tulisan kreatif, keempat; apakah kesan kepada sasterawan apabila terpengaruh dengan racun sekuler dan bagaimana mengatasinya, kelima; nilai imaginasi mengikut Islam dan apakah yang membezakanya dengan fahaman sekuler, keenam; pendisiplinan kearah melahirkan sasterawan Islam prolifik. Melalui proses pendisiplinan ini shahnon menekankan beberapa cara untuk melahirkan sasterawan yang prolifik iaitu pertama; dua faktort yang melibatkan pembinaan keperibadian sasterwan itu sendiri. Faktor pertama; menekankan kefahaman yang betul tentang insan, kewujudannya dan berpegang kepada sumber asasi yang benar. Faktor kedua; gigih dalam kehidupan intelektualnya, sentiasa berusaha meningkatkan kreativitinya supaya terarah kepada kecemerlangan. Kedua; dua faktor yang melibatkan penghasilan karya. Faktor pertama; menguasai keadah pencerakaan dan kepuisian. Faktor kedua; penguasaan bahasa berkaitan dengan kaedah menyampaikan sesuatu. Menerusi konsep yang digagaskan oleh Shahnon jelas ia bersifat teori dan praktikal. Seolah olah konsep ini seakan hampir sempurna setelah diperdebatkan dalam rangka ingin mencari kesempurnaan' konsep' oleh para ilmuwan dan sasterawan sejak sedekad ini.*

Kata kunci: *Tulisan kreatif, sastera Islam, penghayatan Islam, racun sekuler, nilai imaginasi dalam Islam, pendisiplinan, penulis Islam prolifik, pencerekaan dan kepuisian.*

THE CONCEPT OF ISLAMIC LITERATURE BY SHAHNON AHMAD

Abstract: *The study is dedicated to dwell on the concept of Islamic literature by Shahnon Ahmad who also proposed on how the theory should be applied by the writers. Islamic literature according to Shahnon is based on several aspects; first: on how to assimilate Islam in creative writing; second: the characteristics of an Islamic literature in the Malaysian context; third: the factors that prevent incorporating Islam in creative writing in Malaysia; fourth: the solutions to overcome the intoxication of secularism of a creative genre writer in Malaysia; fifth: the issue of imaginative element in Islam and its differences from the secular definition; sixth: the disciplines needed to produce prolific Islamic writer. The factors to produce Islamic writer according to him revolve around the building of an Islamic character of the writer through: first: the emphasis on the correct conception about the existence of Man and his knowledge resources; second: his dedication in his intellectual endeavour for excellence. Another two factors as outlined by Shahnon revolve around the efforts to produce creative works; first: mastery of poetic skills; second: mastery of language and its effective delivery. It is obvious from his conception that his approach was both theoretical and applied in nature. The comprehensiveness of his proposal seems to be the answer to the ongoing debate on finding an overarching concept for Islamic literature.*

Keywords: *creative writing, Islamic literature, Internalization of Islam, secularism, the position of imagination in Islam, disciplines, prolific Islamic writer, poetic and analytical skills*

Pendahuluan

Shahnon Ahmad (Seterusnya Shahnon) merupakan antara ilmuwan di Malaysia yang tersohor yang bergelar “Sasterawan Negara”. Pemikiran dan pandangannya sentiasa mendapat perhatian masyarakat lantaran idea dan pemikirannya yang sering mencetuskan fenomena baru khususnya dalam bidang kesusasteraan.² Beliau diantara personaliti awal di Malaysia yang menampilkan tajuk “sastera Islam” untuk dibahas dan dibincangkan secara terbuka. Dialog yang telah berlangsung antara beliau dan Kassim Ahmad telah menjadi perintis kepada perbincangan mengenai konsep sastera Islam yang masih samar identitinya hingga timbul keraguan yang meletakkan kedudukan sastera Islam antara realiti dan fantasi. Impak positif dari perdebatan antara dua tokoh ini, ialah kemunculan idea di kalangan ilmuwan di Malaysia yang sama-sama hangat membincangkan sastera Islam sekitar tahun 80an. Ini menunjukkan bahawa persoalan ini bukan sahaja popular di negara-negara Arab³ tetapi juga di Nusantara yang mana majoriti penduduknya berbangsa Melayu dan beragama Islam.

² Apabila beliau menulis 'Novel Shit' pada tahun 1999, satu bentuk novel (satira) jenaka yang menggambarkan suasana politik di Malaysia ketika itu, beliau berjaya menarik khalayak bahkan sebahagian besar rakyat Malaysia memberi perhatian kepada bidang kesusasteraan, statusnya sebagai 'Sasterawan Negara' telah membuat masyarakat memberi perhatian lebih kepada tulisan beliau.

³ Perdebatan membincangkan tentang mauduk; Sastera Islam' juga marak di bicarakan di negara negara Arab apabila Syed Qutb melontarkan idea 'konsep Sastera Islam' di dalam bukunya 'Fi Tarikh al-Fikrah wa Manhaj'. Ideanya telah mendapat sambutan yang luar biasa. Ada yang menerima dan ada yang menolak, bahkan ada yang memfitnah Syed Qutb sebagai tokoh yang ingin melemahkan 'sastera Arab' dengan melontarkan idea 'sastera Islam'. Pada waktu itu sastera Arab memainkan peranan yang penting untuk menaikan semangat Arab dan menyatukan umat Arab melawan Israil. Syed Qutb menjelaskan bahawa antara Arab dan Islam merupakan entiti yang berbeza, 'Arab tidak semestinya Islam dan Islam tidak semestinya Arab' beliau menegaskan ini kerana beliau melihat masyarakat di Mesir seolah olah keliru diantara perjuangan menegakkan 'ketuanan Arab dan Ketuanan Islam'. Antara tokoh tokoh yang menyokong idea Syed Qutb ialah Dr. Imadudin al-Khalil, Dr. Najib al-Kailani, Muhammad Qutb, Dr. Saad Abu Redha, Dr. Ahmad Hamdun dan ramai lagi.

Shahnon membuka muqaddimah perbincangan mengenai sastera Islam dengan menegaskan

bahawa seni adalah cabang kebudayaan manakala kebudayaan merupakan cara kehidupan dan kehidupan itu adalah pemberian dari Allah s.w.t. Setiap aspek cara kehidupan adalah kebudayaan kecuali Islam kerana Islam bukan hasil pemikiran dan pembikinan manusia. Islam adalah ciptaan Allah untuk kesejahteraan dan kesentosaan kehidupan manusia sejagat. Agama-agama lain mengikut pandangan Islam, turut diklasifikasikan sebagai kebudayaan kerana lebih merupakan cara hidup buatan manusia. Agama ciptaan manusia adalah lebih bersifat nisbi yang mana ianya tidak mutlak seperti ciptaan Allah s.w.t (Shahnon Ahmad, 1991: 798).

Berdasarkan kepada pemahaman ini, beliau telah melontarkan beberapa persoalan yang berkaitan dengan “sastera Islam” antaranya; sastera adalah salah satu cabang seni. Sastera adalah ciptaan manusia, sedangkan Islam adalah ciptaan Allah. Oleh itu, disini terdapat persoalan tentang adakah wujud apa yang dikatakan sastera Islam; iaitu satu paduan antara ciptaan manusia dengan ciptaan Allah.

Beliau menyimpulkan bahawa, secara asasnya manusia berkarya kerana dua tujuan iaitu berkarya kerana seni iaitu falsafah yang didokong oleh aliran (mazhab) seni untuk seni dan berkarya kerana diri sendiri, masyarakat, untuk sesuatu isme, ideologi dan sebagainya. Aliran seni untuk masyarakat, yang mana aliran ini begitu popular di Malaysia yang diperjuangkan oleh “Asas 50”. Kedua-dua aliran ini tidak pernah mencapai kata sepakat. Aliran seni untuk seni menuduh aliran seni untuk masyarakat bertindak salah lantaran telah mengorbankan daya kreatif untuk sesuatu di luar bidang seni. Golongan ini tidak rela seni dieksploitasikan oleh ideologi manusia. Bagi mereka seni hanyalah berperanan dalam lingkungan seni, tidak kepada perkara-perkara lainnya. Manakala aliran seni untuk manusia (masyarakat) pula menuduh aliran seni untuk seni berfahaman individualisme, egoisme yang tidak ada tempat dalam cara kehidupan bermasyarakat, maka ia perlu ditolak.

Islam menolak kedua-dua aliran ini kerana kedua-duanya bercanggah dengan Islam. Oleh itu, apakah sastera Islam? Mengikut Shahnon Ahmad; berbudaya, berseni atau bersastera perlu bertonggakkam Islam. Ianya sama sahaja seperti beribadah atau berbakti kerana Allah. Beliau cuba membawa konsep ibadah dalam Islam yang sebenarnya luas bukan hanya terbatas kepada solat, puasa, haji atau zakat yang bersifat khusus tetapi juga beribadah terangkum dalam menghasilkan proses pengkaryaan dan penulisan yang mana tunjangnya berpaksikan Tawhid kepada Allah s.w.t; di mana proses ini melibatkan pengabdian yang tinggi oleh seseorang penulis untuk menyelami konsep Tawhid kemudian menterjemahkannya dengan penuh kebijaksanaan kepada khalayak sesuai dengan kebolehannya sebagai sasterawan. Oleh itu, beliau menyimpulkan bahawa sastera Islam ialah 'sastera kerana Allah berhikmah untuk manusia'(Shahnon Ahmad, 1991: 798).

Penerapan Islam melalui tulisan kreatif

Setelah menampilkan definisi sastera Islam sebagai; “Sastera kerana Allah berhikmah untuk manusia”, beliau cuba meletakkan identiti Islam dalam tulisan kreatif. **Pertama;** beliau telah menjelaskan bahawa Islam menentang sebarang kekaburan dan kesamaran dalam proses pengkaryaan kerana akan mengelirukan pembaca. Ini kerana penggunaan teknik yang mengelirukan akan mengheret pembaca ke lembah-lembah yang hina. Ini bererti Islam menolak puisi-puisi yang kabur dan samar yang mempunyai simbol-simbol yang terlalu personal sehingga tidak dapat difahami oleh sesiapa pun. Mengikut pendokong aliran ini

semakin sulit untuk memahami sesuatu karya itu maka semakin tinggi mutunya lantaran hanya pemilik karya tersebut yang mampu merungkaikannya. Oleh itu, seorang penilai seni yang tidak mahu dirinya dikatakan ketinggalan terpaksa berbohong mengatakan dia boleh memahami, tetapi hakikatnya mereka terpaksa membohongi diri mereka sendiri. Seandainya aliran seperti

ini dibiarkan berkembang, maka ia akan menyebabkan para seniman tidak lagi mengenal diri mereka sendiri kerana segala-galanya dicipta dengan penuh kepalsuan dan kesamaran. Kesan daripada kegagalan mengenal diri kita sendiri, maka kita akan samar dalam mengenal Allah.

Kedua; aspek penggunaan bahasa. Dalam persoalan ini Shahnnon Ahmad merujuk kepada Hadith Rasulullah s.a.w:

"لَا تَقِمْ لِكُلِّ وَ" "مَلْهُوقٍ بِسِحْرِ أَرْزَالٍ أَوْ بَطَاخٍ"

Maksudnya: Berbicaralah dengan manusia dengan bahasa mengikut kadar aqal mereka (yang difahami oleh mereka) dan pada setiap tempat itu ada kadar percakapan (cara tinggi dan rendah bercakap). Hadith ini jelas mengkehendaki kita menggunakan bahasa yang mudah supaya maksudnya tepat dan tidak keliru. Gaya bahasa yang berbelit-belit dan sebagainya adalah ditentang dalam Islam. Senario ini juga terdapat dalam puisi-puisi kata yang lebih cenderung pada bunyi kata daripada makna atau yang lebih asyik bermain dengan kata-kata daripada mendalami makna-maknanya. Dalam erti kata lain Islam mengkehendaki penggunaan bahasa yang mudah difahami meskipun mengandungi isi falsafah yang tinggi.

Meskipun begitu, ini tidak bererti pula bahawa Islam hanya mengharapkan makna bahasa sahaja dan menolak keindahan bahasa. Bahasa sastera memang berbeza dengan bahasa bukan sastera dari segi gayanya. Tetapi bahasa sastera tidak bererti menyulitkan makna demi untuk mencapai maksud kehilangan atau menolak keindahan demi untuk mencapai makna. Bahasa yang mudah difahami dan indah dihayati harus menjadi pegangan pada sasterawan Islam. Ini sebenarnya satu kerja yang sulit yang benar-benar memerlukan kecekapan pengguna gaya bahasa. Menyulitkan makna bahasa demi untuk mendapat keindahan semata-mata sebenarnya lebih mudah daripada memudahkan gaya bahasa di samping mencari keindahan, isi dan makna. Mungkin inilah satu faktor utama mengikut Shahnnon yang menjadi penyebab kepada sukarnya untuk menghasilkan sasterawan-sasterawan Islam yang tulen sekiranya dibandingkan dengan sasterawan popular yang bijak dalam bermain kata-kata, namun tidak membawa sebarang mesej kepada pembaca.

Ketiga; sasterawan perlu menolak teknik penceritaan yang dibuat-buat secara berlebihan. Ini kerana menurut Islam, keadaan ini lebih membawa kepada kemudaratan dari kebaikan. Ia juga bertepatan dengan firman Allah yang tidak suka kepada orang yang melampaui batas:

نَبَايَهَا نُنْهَى دَعَاكَ
 مَدَى آؤَاكُنَا عِلْ
 خ م ن ل
 وَ أَوْطَأُ وَ دَجَس مَ ب
 هَرَّ إِلَى أَوْشَى لَوْ شَى
 لَ لَ لَ لَ لَ لَ لَ لَ لَ لَ
 س لَ لَ لَ لَ لَ لَ لَ لَ لَ لَ
 نَبَى

Menurut Shahnnon, Imam al-Ghazali ada menyentuh tentang perkara ini di mana Al-Ghazali menegaskan bahawa hendaklah tukang-tukang cerita berwaspada terhadap hal-hal kebohongan dan hikayat-hikayat yang menyajikan perbuatan salah, atau yang tujuan baiknya

31. فإلاً، فسارعلأأ قروس⁴

tidak dapat difahami oleh umum. Kadangkala terdapat cerita yang merupakan pertarungan di antara baik dan buruk, melalui proses penceritaan yang panjang dan buruk mendapat pembelaan yang berlebihan.

Ciri-ciri penting melahirkan kesusasteraan Islam di Malaysia

Shahnnon Ahmad berpendapat bahawa, **untuk melahirkan kesusasteraan Islam di Malaysia, para sasterawan perlu mengadaptasikan Islam dalam tiga hubungan:**

Pertama; “hubungan Islam dengan masyarakat”. Hubungan ini perlu dijadikan dasar kesusasteraan kerana kesusasteraan juga adalah manusia, baik individu atau bermasyarakat. Kesusasteraan membentangkan segala perihal kehidupan masyarakat ini dan secara kaedah sastera, memperjelaskan lagi kedudukan masyarakat, fungsi masyarakat, matlamat hidup masyarakat dan sebagainya. Kaedah dan konsep mu’amalah mengikut Islam ini amat murni untuk dijadikan pegangan dalam kesusasteraan kerana tujuannya memperjelaskan semula hidayah yang telah luput daripada kehidupan manusia.

Apabila dilihat daripada perspektif kesusasteraan, sesungguhnya hubungan Islam dengan masyarakat ini meletakkan tiga asas yang utama bagi setiap kegiatan sastera, iaitu persoalan sastera, kaedah bersastera, juga matlamat bersastera.

Kedua; "hubungan di antara Islam dengan kesusasteraan atau persuratan". Kesusasteraan pada hakikatnya telah wujud dan berkembang dengan begitu pesat jauh sebelum kedatangan Islam; khususnya bidang puisi. Tetapi kaedah dan tujuan kesusasteraan dalam zaman kegelapan itu amat jauh berlainan dengan kaedah dan tujuan kesusasteraan yang dianjurkan oleh Islam. Sebelum kedatangan Islam, tujuan atau matlamat sastera (puisi atau pantun), tertumpu kepada pemujaan diri, pemujaan suku kaum, pemimpin kaum sendiri dan sentiasa ada perasaan yang menghairahkan tindakan dan aqal tanpa sebarang kawalan keimanan. Tema karya yang bersifat berlebih-lebihan pada waktu itu telah wujud iaitu berkisar tentang keegoan diri dan kemabukan rasa serta bernada sinis, putus asa, keluhan dan kadang-kadang ratapan kerana kehilangan sesuatu yang dekat di hati. Shahnnon mengaskan bahawa kesusasteraan pada zaman ini benar-benar bergelombang dengan perkara-perkara yang tercetus daripada tindakan dan perasaan tanpa sebarang ikatan yang hak.

Setelah kedatangan Islam, kesusasteraan tidak ditolak tetapi didorong ke arah tujuan dan kaedah yang murni sesuai dengan tuntutan Islam. Kesusasteraan yang dituntut Islam bukan sahaja jelas rupanya malah kaedah penyampaiannya juga tidak menyekat fikiran pengkarya dan pembaca. Di sini dapat disimpulkan bahawa, Islam bukan sahaja mengubah corak dan hidup masyarakatnya, tetapi juga mengubah corak dan hidup kesusasteraan. Islam dengan jelas menetapkan aspek-aspek keimanan memastikan peraturan-peraturan akhlaq, mengajak manusia kepada Islam untuk menjamin kesejahteraan hidup mereka dan selalu memperingati manusia itu supaya menghindari sesuatu yang dilarang oleh Islam.

Shahnnon menambah bahawa dalam kesusasteraan Islam harus memiliki tiga ciri yang utama

iaitu; **keindahan, kebenaran dan kebaikan**. Namun begitu ketiga-tiga ciri ini mempunyai keterikatan dengan Allah dalam kerangka Tawhid. Walaupun ciri-ciri ini kelihatan sama dari segi luarannya dengan pemahaman budaya selain Islam tetapi ia mempunyai kelainan dan tersendiri. Ini kerana pucuk pangkal bagi setiap ciri-ciri ini ialah Tawhid.

Oleh itu, dalam mengukuhkan hubungan antara kesusasteraan dengan Islam, kesusasteraan itu sendiri perlu kembali kepada soal utama iaitu meneliti hubungan dengan Islam dan sekaligus hubungan dengan manusia. Tema-tema yang diketengahkan mestilah mencakupi keperihalan manusia yang luas dan menyeluruh, tersimpul dalam kewujudan dan tugas mereka itu sendiri, baik sebagai hamba mahupun sebagai khalifah Allah. Menurut Shahnnon lagi keperihalan manusia itu pula ada tahap-tahapnya; bukan hanya berkisar pada aspek badani dan perasaan sahaja.

Hubungan antara Islam dan sastera ini juga perlu dilihat dalam aspek pengalaman aqliah atau intelektual dan tahap kerohanian yang tinggi dalam kemesraan manusia dan khaliqnya. Pengalaman ini akhirnya diterjemahkan dalam bentuk karya yang mampu memberi kesan yang hebat kepada pembaca. Hakikatnya, inilah nilai yang dibawa oleh Islam yang perlu dimanfaati oleh para sasterawan, pengalaman mujahadah dan tafakur mereka terhadap agama amat bernilai andainya diterjemahkan dalam bentuk karya yang menarik.

Di samping itu, dalam aspek menekankan hubungan di antara Islam dan sastera, Shahnnon juga menyeru agar konsep penceritaan atau qissah dalam al-Quran diambil sebagai iktibar. Beliau menjelaskan bahawa kisah-kisah dalam al-Quran, membicarakan segala keperihalan manusia yang benar dengan kaedah-kaedah yang khusus ia bertujuan untuk menyedar dan memperteguhkan aspek penting dalam Islam iaitu; aqidah, syariah dan akhlaq. Oleh itu, method, *style*, tema dan pendekatan perlu diambil dari al-Quran oleh para sasterawan Islam.

Ketiga; “hubungan sastera dengan Melayu”. Shahnnon melihat bahawa, dalam konteks untuk menyuburkan kesusasteraan Islam di Malaysia, para sasterawan perlu mengaitkan karya mereka dalam konteks Melayu. Ini kerana Melayu merupakan bangsa yang besar di Nusantara. Keunikan pada bangsa Melayu itu sebagaimana yang kita ketahui ialah pada anutan agama “Islamnya”. Hubungan Islam dan Melayu telah berpadu dalam satu paduan seperti tubuh dan jiwa. Apabila ditelusuri sejarah, maka Islamlah yang telah menjiwai bangsa Melayu. Namun begitu, mengikut Shahnnon bangsa Melayu kini hanya terletak pada tubuh dan nama sahaja, sedangkan jiwanya berbaur dengan palbagai ciri jiwa, yang kadang-kadang menenggelami jiwa Islam itu sendiri. Walaupun ia secara rasmi jelas tercatat dalam perlembagaan Negara, dasar kebudayaan kebangsaan, sistem pendidikan kebangsaan dan sebagainya, tetapi ternyata jiwa itu tidak bertenaga dan tidak menghasilkan natijah-natijah berjiwa Islam dalam erti kata yang sebenar dalam setiap aspek kehidupan bangsa Melayu. Beliau juga menegaskan, kelonggaran ajaran dan kefahaman Islam terdapat dalam pelbagai bidang samada politik atau pendidikan Melayu. Beliau menekankan bahawa politik Melayu yang tidak mengambil Islam sebagai asas dan jiwanya bukanlah politik Melayu yang sebenarnya. Begitu juga sebaliknya, seseorang yang sedar kepada semangat dan jiwa Islam dalam dirinya tetapi tidak cuba untuk merealisasikan jiwa itu dan semangat, kaedah dan matlamat Islam, pada hakikatnya mereka ialah Melayu yang tidak berpijak di bumi yang nyata.

Kehidupan dan penghidupan bangsa Melayu itu sebahagian besarnya tidak lagi berakar dan berpandukan Islam dalam erti kata yang sebenar, sebaliknya kepada tradisi, ideologi, dan peradaban yang asing dari Islam. Melayu yang menolak Islam adalah Melayu yang bermusuhan dengan diri sendiri. Sesungguhnya Melayu yang berakar pada tapak-tapak yang asing bagi

Islam itu bukan sahaja asing dalam pengertian bangsa Melayu tetapi juga menjadi duri dalam daging bangsa Melayu itu sendiri.

Dua faktor halangan penghayatan Islam di Malaysia:

Shahnon melihat terdapat dua faktor yang menyebabkan penghayatan Islam begitu asing dalam kehidupan masyarakat Melayu. **Pertama; berpunca daripada kesesuaian menunaikan kewajipan diri dalam persoalan penentuan aqal, pengawalan tindakan dan pengawasan perasaan. Kedua; kerana keghairahan menerima nilai-nilai yang langsung mencabuli Melayu dan Islam itu sendiri** (Shahnon Ahmad, 1991: 405-406).

Faktor pertama; Islam amat menitikberatkan soal tugas yang wajib dijalankan oleh setiap manusia bagi menjamin kebenaran yang memberi kesejahteraan. Dalam istilah Islam, kewajipan diri ini disebut sebagai fardhu 'ain yang meliputi penentuan aqal, pengawalan tindakan dan pengawasan perasaan. Ilmu yang menjadi asas untuk mengenal Tuhan ini ialah untuk menentukan kedudukan, fungsi aqal yang ada pada manusia. Tanpa mengenal Allah, aqal yang bebas bermaharajalela tanpa pautan tali Allah akan bebas dalam tindakan dan perasan.

Dalam bidang kesusasteraan, penentuan kedudukan dan fungsi aqal ini amat penting kerana tanpa kawalan, aqal bertindak bebas mencipta apa sahaja tanpa memperhitungkan baik buruknya dari segi pembangunan manusia mengikut landasan Islam. Di Barat, aspek ini adalah sesuatu yang unggul kerana dipandang sebagai kebebasan mencipta sehingga melahirkan pelbagai aliran yang banyak menyimpang daripada keindahan, kebenaran dan kebaikan.

Seterusnya, beliau melihat bahawa, seseorang sasterawan Islam perlu memahami hukum-hukum seperti haram, wajib, makruh, sunat dan harus. Ini kerana ia berkaitan dengan proses pengkaryaan khususnya dalam pembentukan perwatakan dan plot dalam cerita atau persoalan dalam puisi. Ketertiban hukum-hakam ini amat penting dalam setiap tindakan hidup, termasuk tindakan hidup seorang sasterawan dalam berkarya. Selain mengetahui ketetapan hukum dalam Islam, seorang sasterawan Islam disaran agar mendekati ilmu akhlaq atau diistilahkan sebagai ilmu Tasawwuf. Tujuannya agar perasaan dikawal dengan keimanan demi untuk mengelakkan tindakan yang menyeleweng.

Mengikut Shahnon, peranan akhlaq yang menuntut manusia kepada kebersihan jiwa inilah yang telah menapis dan menjernihkan puisi-puisi ghairah yang penuh dengan idea-idea yang sesat di zaman Jahiliyyah. Islam telah menyemai perasaan manusia agar terikat dengan Allah sehingga, apabila seseorang Muslim berkarya, maka jelas matlamat sasteranya.

Shahnon menegur; sesetengah sasterawan di Malaysia dewasa ini yang menampilkan karya-karya murahan yang tidak berakhlaq, karya-karya yang hanya memberi kesan kepada keghairahan perasaan, tidak kepada kepuasan jiwa. Karya ini hanyalah mementingkan aspek keindahan bahasa tetapi makna dan pengertian yang tidak memberi kesan kepada pembaca. Selanjutnya beliau memetik kata-kata Yusuf Zaki "bahawa majoriti karya-karya sasterawan Melayu selepas Perang Dunia ke-2 hanya menyentuh pancaindera, tetapi tidak menyentuh hati nurani (Shahnon Ahmad, 1991: 407)". Begitu juga kata-kata Syed Naquib al-Attas "bahawa kesusasteraan Melayu baru hanya sampai kepada peringkat menguji sayap sahaja. Ia lebih memujuk perasaan daripada memujuk cita-cita, lebih keliru daripada terang (Shahnon Ahmad, 1991: 407)".

Senario ini memperlihatkan kegagalan sasterawan Malaysia hari ini dalam melahirkan sastera yang bermutu seperti yang pernah diilhami oleh Hamzah Fansuri dan seumpamanya atas alasan kurangnya penghayatan Islam di dalam diri seseorang sasterawan. Unsur Tasawwuf atau

“penyucian diri” tidak menjadi sandaran dalam proses pengkaryaan lagi. Ilham yang hadir dari Allah ini seolah-olah hanya dianggap sesuatu yang remeh untuk disusuri kebenarannya. Hal ini kerana mereka tidak merasai pengalaman ini dan menolak unsur-unsur rohani yang mampu menggarap idea-idea yang kadangkala tidak terjangkau oleh aqal manusia. Justeru itu, keseimbangan di antara bakat dan kefahaman serta penghayatan Islam sememangnya tidak berlaku. Oleh itu, sastera Melayu perlu kembali kepada Islam baik karya atau pengkaryanya. Mereka perlu berpusat kepada Tawhid Allah s.w.t yang kental bagi memperolehi ilham dalam proses menghasilkan karya.

Faktor kedua; ialah '**keghairahan menerima nilai-nilai yang langsung mencabuli kedudukan Melayu dan kemuliaan Islam**'. Faktor ini berlaku lantaran tidak tahu apa tapisan yang hendak digunakan bagi menyaring hampas dalam masa yang sama gagal mencedok isi. Fenomena ini turut berlaku kerana kurangnya tautan dengan tali Allah s.w.t. Antara perkara baru yang diterima ialah aliran kemodenan yang amat diagung-agungkan oleh masyarakat hari ini. Perlu dijelaskan bahawa, Islam tidak menolak kemodenan bahkan Islam menghargai usaha kreatif untuk membangunkan diri dan masyarakat. Tetapi Islam menentang kemodenan yang tumbuh jauh dari paksi Tawhid.

Secara umumnya, fahaman kemodenan yang diterima dewasa ini bertentangan dengan Islam termasuk konsep moden dalam kesusasteraan Melayu. Ia seolah-olah satu proses penaklukan pemikiran yang menghasilkan pola sikap atau pandangan hidup yang mempertahankan kemodenan semata-mata. Shahnnon menjelaskan meskipun dalam bayangan fizikalnya tali Allah tidak langsung terputus, kemodenan ini telah merenggangkan Melayu daripada Islam, serta telah melemahkan jiwa Islam dalam tubuh Melayu. Ia juga telah membentuk dinding yang tebal antara hidup dan mati, dunia dan akhirat. Kesannya, hubungan ruh Islam dengan setiap kegiatan bangsa Melayu termasuk pendidikan, kebudayaan, akhlaq, ekonomi, undang-undang, politik dan sebagainya terasa amat renggang dan terpisah. Paling memburukkan keadaan ialah kemodenan telah mencipta sekularisme yang menyebabkan falsafah hidup bangsa Melayu menjadi kabur, sehingga mereka menjadi manusia yang mengabdikan diri separuh kepada manusia dan separuhnya kepada Allah s.w.t (Shahnnon Ahmad, 1991: 408).

Dua kesan utama terpengaruh racun fahaman sekuler:

Beliau menegaskan lagi, pengaruh racun sekular ini telah menyebabkan orang Melayu meringan-ringankan kerja-kerja kewajipan yang disuruh oleh agama. Mereka mula menolak unsur-unsur ghaib yang melibatkan kebahagiaan rohani, sebaliknya mereka terlalu menurut tuntutan syahwat, kepuasan hawa nafsu, malah rajin pula memutarbelitkan sistem nilai mengikut selera dan iklim semasa. Kesan kemodenan ini telah memberi dua kesan kepada kesusasteraan Melayu.

Pertama; manusia yang digambarkan dalam objek kesusasteraan itu cuma manusia pada tahap rendah bukan pada tahap tinggi. Sementara kehidupan dan kegiatannya berkisar kepada perhubungan yang melibatkan soal individualistik yang kosong dari nilai-nilai yang baik. Keperihalannya manusia yang dihuraikan cuma dalam lingkungan keduniaan semata-mata. Gambaran manusia yang dipamerkan bukan gambaran “insan” yang sebenar tetapi sebaliknya hanya “basyar” (Shahnnon Ahmad, 1991: 428). Manusia hanya menjadi perutusan manusia tidak sebagai perutusan Allah s.w.t. Hak dan tanggungjawab manusia tidak difahami dalam peringkat yang tinggi (alam akhirat) tetapi sebaliknya hanya berkisar kepada kenikmatan dunia semata-mata (Shahnnon Ahmad, 1991: 409).

Natijah dari pengamatan yang rendah terhadap kedudukan manusia, maka ini sedikit sebanyak

mempengaruhi tema dan isi kesusasteraan Melayu. Apa yang digambarkan cuma berkisar tentang percintaan yang berlandaskan nafsu, perasaan marah, sedih, pilu, dan ratapan. Ia tidak lebih seperti pada zaman sebelum kedatangan Islam dahulu. Walaupun ada sastera Melayu yang membicarakan perihal pengalaman aqliah atau intelektual, tetapi pengaruh kemodenan yang berlawanan dengan Islam sering diketengahkan. Unsur ini telah mencetuskan pertentangan dengan pengalaman aqliah sehingga ia mencetuskan watak-watak yang pelik dan ganjil sehingga membawa kepada bunuh diri, gila dan seumpamanya. Namun begitu, makin bertambah kronik sesuatu konflik yang timbul, maka ia makin dianggap bertambah unik dan original mengikut ukuran kesusasteraan yang berasaskan kemodenan (Shahnon Ahmad, 1991: 410).

Berdasarkan kepada fenomena ini, dapat kita simpulkan bahawa Shahnon ingin mengajak para sasterawan agar mendalami kefahaman tentang hakikat insan dan tanggungjawab mereka sebagai khalifah di atas muka bumi ini, agar kefahaman ini benar-benar dijelmakan dalam proses pengkaryaan mereka. Kemudiannya, unsur sekular dalam bentuk kemodenan ini yang sedikit sebanyak telah sebatikan dalam tanggapan para sasterawan perlu disuntik dengan alternatif lain sebagai ganti iaitu kefahaman Islam. Meskipun untuk menyerapkan kefahaman Islam ini agak sukar lantaran kebanyakan para sasterawan Islam telah melalui pendidikan yang sekular, namun begitu masih belum terlambat lagi untuk kita menjernihkan suasana ini. Untuk mengubah senario ini, perlu dicadangkan agar konsep dan aliran sastera Barat difahami dengan jelas dan seterusnya dibandingkan dengan aliran dan konsep sastera Islam yang ditampilkan oleh sasterawan-sasterawan Islam agar mereka dapat mencari pertemuan dan pertentangan di antara aliran-aliran ini. Satu persoalan lagi, para sasterawan Melayu, mereka perlu mendalami Bahasa Arab dan merujuk buku-buku Arab secara langsung, dan bukan hanya bersandarkan terjemahan untuk memperolehi kefahaman. Pandangan yang diberikan oleh Dr. Abdul Hamid al-Buzawainah (الدكتور عبد الحميد البوزواينة) di dalam kitabnya (الإسلام وإبداهه)

(الادبية) amat menarik dalam hal ini, di mana beliau menampilkan aliran pemikiran sastera Barat seperti klasik, romantisme, realisme dan sebagainya, kemudian menjelaskan titik perbezaan dan persamaan seterusnya penyelesaian di atas neraca teori sastera Islam mengikut pandangannya. Meskipun terdapat banyak kekurangan dalam idea-idea yang dilontarkan tetapi setidaknya ia boleh menjadi titik permulaan untuk membentuk sastera Islam yang lebih konkrit. Hakikatnya, kebanyakan penulis hari ini terdapat-cari-cari apakah ukuran sebenar bagi melahirkan sastera Islam. Mereka ingin menghasilkannya, tetapi mereka sendiri tidak pasti apakah karya mereka tergolong dalam kesusasteraan Islam. Para sasterawan hari ini sebenarnya terdapat-cari-cari identiti keislaman dalam penulisan mereka. Fenomena ini berlaku lantaran mereka membesar dan dididik mengikut sistem kemodenan yang begitu sinonim dengan sekular. Oleh itu, para sasterawan Islam perlu berusaha dan memikirkan bagaimana cara melahirkan sastera Islam yang serasi dan sesuai dengan arus kemodenan dalam masa yang sama turut mengekalkan keindahan berbahasa seiring tuntutan globalisasi. Inilah cabaran sebenar yang perlu disahut oleh para sasterawan hari ini.

Kedua; akibat terpengaruh dengan racun sekular, apa yang turut tercemar ialah “konsep bebas cipta yang baik tetapi salah diterima dan salah digunakan sehingga

kebebasan itu menyesat dari keindahan, kebenaran dan kebaikan”. Dalam bidang kesusasteraan, kebebasan dalam berkarya dan proses pengkaryaan amat dikagumi oleh para penulis. Bahkan kehebatan ini menjadi satu ciri keunggulan di dalam kreativiti dan dianggap satu sifat keaslian dan dianggap amat murni. Kerana itu, istilah yang berkaitan dengan saduran, tiruan, ikutan atau ikatan (kongkongan) amat dicemuh dalam bidang kesusasteraan. Oleh yang demikian, demi untuk menzahirkan keaslian dalam proses pengkaryaan para sasterawan berebut

mencipta, menerokai aspek-aspek persoalan, olahan dan sebagainya untuk menghasilkan karya yang lain dari yang lain (Shahnon Ahmad, 1991: 410).

Islam tidak menentang kebebasan, malah Islam menyarankan pula kebebasan kepada manusia selagi pautannya kepada tali Allah tidak putus agar perjalanan hidup manusia tidak sesat. Al-Quran banyak sekali mengisyaratkan bahawa manusia yang terlalu inginkan kebebasan tanpa batasan berakhir dengan kemusnahan. Hakikatnya, kebebasan yang sebenar adalah kebebasan yang diertikan oleh Allah s.w.t dan yang diteladani oleh Rasulullah s.a.w. Ia meliputi kebebasan fikiran, kebebasan mencipta, kebebasan jiwa, kebebasan peribadi dan juga kebebasan politik. Kebebasan sebenar ialah yang memperhambakan hawa nafsu bukan diperhamba oleh hawa nafsu. Ia juga tidak boleh dipengaruhi oleh pengaruh material yang palsu kerana kebebasan dalam erti kata yang sebenarnya berpaksi kepada tautan yang utuh kepada tali Allah s.w.t. Mengikut Shahnon lagi, hubungan antara kebebasan ini dengan kesusasteraan Melayu amat penting. Apabila mereka benar-benar mengimani kebebasan mengikut apa yang diertikan oleh Allah s.w.t maka mereka benar-benar mempunyai kebebasan mencipta mengikut Islam dan akan benar-benar melahirkan kebenaran dalam proses pengkaryaan.

Pengarang jenis ini tidak terikat kepada sebarang fahaman politik kecuali fahamannya kepada Allah s.w.t. Dia juga tidak akan diganggu-gugat oleh tekanan politik kerana baginya ikatan lain tidak ada kecuali kepada Allah s.w.t. Jiwa, fikiran, dan peribadi pengarang itu tidak terjejas dengan penderitaan dan perkara-perkara gertakan manusia kerana tidak ada yang ditakuti olehnya kecuali Allah Yang Maha Agung. Pengarang ini tidak tunduk kepada rayuan kecuali bisikan Allah s.w.t. Jiwanya tidak terjejas dengan pujian-pujian manusia dan sanjungan orang ramai, jiwanya juga kental, tidak merasa sedih dan kecewa dengan cacian dan kritikan manusia yang tidak bertanggungjawab. Kesimpulannya, kebebasan jiwa, fikiran, dan peribadi adalah benar-benar bebas daripada sebarang kongkongan selain daripada Allah s.w.t. Jiwanya dan peribadinya tidak tergugat dengan nafsu, kesusahan, tekanan, cacian, pujian, wang ringgit, gelaran, pangkat, sanjungan masyarakat dan sebagainya. Inilah sebenarnya kreativiti dilihat dari perspektif Islam (Shahnon Ahmad, 1991: 411-412).

Kesimpulannya di sini bahawa sasterawan Islam perlu membebaskan jiwanya dari segi kongkongan keduniaan kecuali kepada Allah, barulah proses pengkaryaan akan benar-benar menyerlahkan kebenaran, ia bukan hanya menulis melalui aqal dan ilmunya tetapi bisikan hati nuraninya yang diilhami dari Allah s.w.t. Kadang-kala terdapat penulis yang terpenjara jasadnya tetapi jiwanya bebas merdeka. Ini telah berlaku kepada Syed Qutb yang menghasilkan tafsir Fi 'Zilal al Quran' *بِفِ ظَالِلِ الْقُرْآنِ*, begitu juga Hamka yang menulis tafsir al-

Azhar di dalam penjara. Jiwa yang bebas merdeka inilah yang telah memberi keyakinan dan ilham untuk terus berkarya. Ulasannya tentang sebarang permasalahan adalah terang dan jelas dan tidak terdapat unsur kesamaran dalam pengolahan maksud dan makna, tetapi menampilkan idea-idea dan falsafah Islam yang tinggi. Inilah ciri dan bentuk sastera Islam yang dikehendaki.

Nilai imaginasi menurut Islam

Dalam menghurai nilai imaginasi menurut pandangan Islam, Shahnon telah menyatakan beberapa titik perbezaan di antara nilai Barat dan fahaman Islam. Antara lain beliau menegaskan bahawa asas dalam berimaginasi dan menghasilkan karya di Barat ialah "Freedom of Expression". Ini adalah berdasarkan kepada pendapat dua tokoh sastera Barat iaitu Thrall,

Hibbard, Holman (Thrall, Hibbard, Holman, 1960: 201) dan Arturo B. Fallico (Arturo B. Fallico, 1962: 20). Menurut kedua-dua tokoh ini bahawa fiksyen atau novel adalah penulisan secara naratif yang datang daripada imaginasi pengarang dan tidak mementingkan daripada sumber sejarah atau fakta-fakta. Dan imaginasi seseorang pengarang itu akan melahirkan perasaannya, pemikirannya tentang hidup atau falsafah secara sendiri-sendiri (Shahnon Ahmad, 1991: 415). Idea yang didokong di Barat ini bukan sahaja dominan di Barat bahkan juga di kalangan pengarang di mana sahaja, termasuk juga di Malaysia.

Apabila kita meneliti, konsep berimaginasi mengikut pandangan Barat yang banyak mempengaruhi para penulis hari ini, ia seakan-akan bersamaan dengan watak dan tabiat sertai perangai penyair yang disebut dalam al-Quran dalam surah al-Syuaraa' 221-227.

لَقَدْ أَنشَأُوا لَكُم مِّن دُونِ آلِ هَارُونَ أَهْلًا وَبَنَاتٍ لِّمَن لَّمْ يَرْجِئْ لَكُم بِهِ الْوَعْدَ الْحَقَّ إِذْ أَخَذْتُم مِّنْ آلِ هَارُونَ عَهْدَ رَبِّكُم تَارَةً أُخْرَىٰ ۗ فَمَا تَلَوْتُمْ لِكُلِّ قَوْمٍ نَّبِيًّا ۗ ۝۲۲۱

عَمَّ يَتَّبِعُونَ ۚ لَقَدْ جَاءَكُمْ رَسُولٌ مِّنْ أَنفُسِكُمْ يَتْلُو آيَاتِ الْكُرْآنِ ۚ لَقَدْ عَلِمْتُم مَّا أَخَذْنَا مِمَّن دُونِ آلِ هَارُونَ عَهْدَ رَبِّكُم ۖ فَكَيْفَ تَعْبَهُونَ ۗ ۝۲۲۲

۝۲۲۳ { وَذُنُوبَكُمْ كَأَن لَّمْ تَدْرِكُوا لَمَّةً مِّنَ الْكَلِمِ ۚ وَكُلَّ كَلِمٍ مَّا تُكْسِبُونَ ۗ ۝۲۲۴

مُهْمٌ مِّنْ عَمَلِهِمْ لِيُرَوَّعُوا بِهِ ۚ وَوَعْدَ رَبِّكَ أَكْبَرُ ۚ ۝۲۲۵ { وَأَلْقَى الْقُرْآنَ لِجَانِبِ آلِ مُوسَىٰ ۚ لَمَّا أَخَذَتْهُمُ الرَّجْرَجُ ۚ وَكَانَ يَحْمِلُهُ الْكَافِرُ ۗ ۝۲۲۶

نَذَرُوا ۚ لَقَدْ أَلْقَى الْقُرْآنَ لِجَانِبِ آلِ مُوسَىٰ ۚ لَمَّا أَخَذَتْهُمُ الرَّجْرَجُ ۚ وَكَانَ يَحْمِلُهُ الْكَافِرُ ۗ ۝۲۲۷

۝۲۲۸ { وَكَانَ يَحْمِلُهُ الْكَافِرُ ۗ ۝۲۲۹

۝۲۳۰ { وَكَانَ يَحْمِلُهُ الْكَافِرُ ۗ ۝۲۳۱

Dalam ayat-ayat yang dinyatakan, dapat dilihat dengan jelas bagaimana kehendak Al-Quran terhadap para penyair dan bagaimana batas-batas berimaginasi yang mereka perlu pegangi. Andainya mereka berpegang kepada imaginasi yang bersifat “individualistik” dan tidak bersandarkan kepada fakta-fakta atau sumber sejarah maka dibimbangi hasil imiginasinya melampaui batas kebenaran atau ia akan mendorong pembaca kepada perkara- perkara yang negatif.

Di dalam ayat yang telah disebutkan juga, menjelaskan kepada kita betapa besarnya peranan sasterawan lantaran mereka memiliki kebolehan untuk mengolah kata-kata yang boleh mempengaruhi manusia. Kebolehan ini boleh digunakan untuk tujuan baik atau jahat. Oleh yang demikian, Islam menetapkan asas yang jelas di dalam menghasilkan karya; iaitu mereka perlu bertitik-tolak di atas sumber aqidah yang jelas, kemudiannya mereka bebas berimaginasi tentang apa sahaja kerana pangkalnya telah ditambat di perdu agama. Ini barang kali yang dimaksudkan oleh Muhammad Uthman el-Muhammady tentang sastera Islam bahawa “kebenaran diletakkan di atas keindahan” dan metafizikal yang mengawal seni. Dalam erti kata

yang lain asas imaginasi dalam sastra Islam ialah indah dan benar bersuluhkan cahaya Ilahi dalam mengawal proses pengkaryaan.

224-227. قبلًا، مارغيتل تروس⁵

Di sini jelas perbezaan antara asas imaginasi Barat dan Islam. Akibat terlalu berpegang kepada imaginasi yang bebas tanpa tautan aqidah, ia telah mencetuskan kelupaan dan kemabukan bahkan kegilaan yang begitu ketara sekali di Barat. Mereka berpendapat bahawa imaginasi perlu diberikan kebebasan yang “mutlaq” untuk mengawal segalanya. Kemudian bertitik-tolak dari itu, seseorang sasterawan terjun ke dalam proses penciptaan mengatur kembali segala kekacauan, keporak-perandaan dan keadaan kucar-kacir kepada satu keadaan yang baru tersusun indah dalam sebuah bentuk. Sebuah novel umpamanya bermula daripada segala kekacauan pengalaman, kucar-kacir ideanya, lintang pukang sifat-sifat wataknya, tidak tentu hala lagi latar dan plotnya. Dan dalam keadaan kelim kabut inilah sasterawan menyusun sedikit demi sedikit dengan daya kreatif dan daya imaginasi yang ada pada seseorang novelis sehinggalah tersusun segala faktor-faktor untuk menjadi sebuah karya sastera iaitu novel. Mengikut Shahnnon inilah asas Barat dalam berkarya iaitu “to creat order out of disorder” atau “to creat form out of chaos”. Yang menjadi lebih parah lagi, James Joyce, seorang pengarang Barat yang berpengaruh di abad ini yang mengatakan peranan sasterawan adalah setara dengan peranan Tuhan. Katanya Tuhan mencipta alam yang serba indah dan tersusun ini daripada elemen-elemen yang tidak indah dan tidak tersusun. Segala-galanya berada dalam keadaan yang berkecamuk dan kucar-kacir. Lalu, Tuhan telah memungut segala elemen itu dan menyusunnya menjadi bentuk alam yang tersusun sekarang. Proses penciptaan alam ini disamakan dengan proses penciptaan sebuah karya sastera (Shahnnon Ahmad, 1991: 416).

Dalam Islam menyamakan kedudukan sasterawan dengan Tuhan adalah amat bercanggah dengan prinsip agama. Allah tidak mencipta alam ini daripada keadaan yang kucar-kacir kepada keadaan yang tersusun sempurna. Ini kerana Allah mencipta alam ini daripada yang tidak ada kepada ada, daripada tidak ada kewujudan kepada kewujudan. Ini berbeza dengan peranan sasterawan. Sasterawan tidak mencipta karya sastera daripada yang tidak ada kepada yang ada tetapi daripada elemen-elemen yang telah dijadikan oleh Allah s.w.t. kemudian sasterawan menyusunnya dalam susunan yang lain mengikut genrenya tersendiri samada puisi, novel atau seumpamanya. Dalam proses menyusun kembali dalam bentuk baru inilah sasterawan menggunakan daya imajinasinya tetapi tidak pula membenarkan imaginasi mengawal kebenaran yang ditetapkan oleh Allah. Mungkin pemahaman tentang perkara ini jelas apabila kita meneliti puisi yang dinukilkan Iqbal: “Thou didst creat night and I made the lamp. Thou creat clay and I made the cup. Thou didst creat the deserts, mountains and forests I produce the orchads, gardens and the groves. It is I who turneth stone into a mirror. And it is I who turneth poison into an a todote (H. Endeng Saifuddin Anshari, 1980: ix)”. Puisi ini bermaksud: “Kau menciptakan malam dan aku yang membuat pelita. Kau yang menciptakan tanah liat dan aku yang membuat piala. Kau menciptakan sahara, gunung-ganang dan belantara aku yang membuat kebun anggur, taman-taman dan padang tanaman. Akulah yang telah mengubah batu menjadi cermin. Akulah yang telah mengubah racun menjadi ubat penawar”.

Allah s.w.t. tidak mewujudkan suasana yang kucar-kacir kemudian menguji hambanya supaya membetulkan keadaan tersebut. Tetapi sebaliknya, Allah mencipta sesuatu perkara kemudiannya menuntut hambanya menggunakan aqal seterusnya berusaha mencungkil rahsia kejadian Allah s.w.t. dengan ilmu yang dimiliki, agar timbul perasaan insaf dan jiwa hamba dalam diri manusia. Inilah konsep yang dinamakan “kebenaran mengawal imaginasi dan bukan kebenaran dikawal oleh imaginasi”.

Proses menghasilkan karya di antara paksi Barat dan Islam amat berbeza. Barat berpegang kepada “imaginasi yang mengawal kebenaran”. Ini kerana, matlamat dalam sastera Barat ialah

bertolak kepada luahan rasa sebagai usaha untuk mencapai kepuasan. Kemudiannya, Shahnnon mendatangkan contoh D.H Lawrance yang berpendapat bahawa proses kreatif sebagai alat penting untuk menyembuhkan penyakit jiwa seperti hidup dalam kegelisahan kerana tidak tercapai cita-cita, perasaan rendah diri, kelemahan diri seperti rasa takut, lemah nafsu syahwat dan seumpamanya. Mengikut teori ini, untuk menghapuskan segala penyakit jiwa ini yang tidak boleh dihapuskan dengan dengan cara lain, lalu disalurkan melalui penciptaan karya sastera. Penciptaan itu merupakan satu tindakan menyembuhkan penyakit jiwa tadi. Shahnnon menegaskan, mengikut D.H Lawrance penyakit jiwa pengarang itu terdedah dalam karya yang dicipta (Shahnnon Ahmad, 1991: 416-417).

Dalam hal ini, Shahnnon telah mendatangkan contoh situasi sastera di Malaysia. Novel yang bertajuk “Langkah Kiri” oleh Yahya Ismail, mengikut Shahnnon, menggambarkan cita-cita penulis yang tidak kesampaian untuk menjadi ahli politik. Oleh itu, beliau meluahkan keinginan tersebut dalam novel melalui watak-watak yang diwujudkan. Dengan luahan rasa dan imaginasi dalam bentuk novel yang bertajuk “Langkah Kiri” mengikut Shahnnon telah menyembuhkan perasaannya. Shahnnon menjelaskan bahawa “keliaran imaginasi dan luahan rasa” untuk menyembuhkan penyakit jiwa pengarang yang dipegang oleh D.H Lawrance menjadi satu pegangan yang agak meluas di Barat. Pendapat ini disokong oleh Andre Gide dan Edmond Wilson. Andre Gide berpendapat perkaitan antara aspek imaginasi ini dengan penyakit jiwa dan termasuk rasa ego adalah satu faktor yang selalu memberi dorongan untuk mencipta. Wilson pula melihat sebagai satu langkah ganti rugi dalam segala cita-cita. Maka dijadikanlah sastera sebagai wasilah atau jalan untuk menuntut bela terhadap sesuatu yang tidak terdaya dicapai dengan jasmani. Sekiranya mengikut teori ini, pengarang yang gemar menulis novel seks terdiri daripada orang-orang yang lemah nafsu syahwatnya, ini termasuklah D.H Lawrance sendiri dengan novelnya yang terkenal “Lady Chatterly’s Lover”. Hakikatnya, teori ini berasal dari penganalisa jiwa yang terkenal “Sigmund Freud” yang berpendapat bahawa proses penciptaan bertitik-tolak daripada hasrat yang tidak pernah puas dalam serba tindakan, lalu berimaginasi meneggelami diri dalam khayalan dan fantasi mencipta sebuah dunia rekaan dalam bentuk-bentuk seni khusus seperti novel, cerpen, sajak, drama dan seumpamanya (Shahnnon Ahmad, 1991: 416-418).

Shahnnon menegaskan bahawa Islam menolak segala konsep atau teori yang dibawa oleh fahaman sekular ini kerana Islam sama sekali berpendapat bahawa, proses penciptaan karya seni itu bertolak daripada premis imaginasi dan luahan untuk mendapat kepuasan; samada kepuasan jasmani atau rohani. Imaginasi juga bukan sebagai alat untuk menyembuhkan penyakit jiwa atau alat untuk membela diri terhadap sesuatu. Puncak kepuasan cita-cita rohani dalam Islam ialah dengan mendekati Allah. Dan puncak kepuasan jasmaniah manusia pula ialah “kelazatan nafsu kelamin”. Mengikut Shahnnon, terdapat dua manfaat melalui kenikmatan nafsu kelamin seperti mana yang dinyatakan oleh Imam al-Ghazali dalam kitabnya *Ihya Ulum al-Din*. Pertama; supaya manusia mendapat kelazatan sehingga dapat membandingkan dengan kelazatan akhirat. Manakala manfaat kedua mengikut Imam al- Ghazali ialah untuk menyambung zuriat. Shahnnon menegaskan bahawa aspek menuntut bela dan menyembuh penyakit jiwa sebagai matlamat dalam berkarya turut ditolak dalam Islam. Ini kerana manusia akan mendapat kepuasan dalam kemuncak kerohanian dengan mendekati Allah s.w.t (Shahnnon Ahmad, 1991: 416-418).

Hakikatnya proses penciptaan dalam karya sastera sama seperti penciptaan karya seni yang lain. Kegiatan ini didokong oleh mereka yang diberi bakat untuk memanfaatkan bakat yang dimiliki sepenuhnya. Dalam konteks Islam, penerima bakat ini harus memahami tentang

statusnya sebagai hamba dan khalifah Allah di muka bumi. Apabila kefahaman ini meresapi jiwa dan perasaannya maka di atas dasar kesedaran dia akan memanfaatkan bakat itu seluas mungkin untuk menghasilkan karya yang bermutu dan akan memastikan ia tidak bercanggah dari landasan kebenaran yang ditetapkan oleh Allah s.w.t. Sasterawan jenis ini akan memahami bakat yang dimilikinya adalah “fardhu kifayah” dan ia menjadi tanggungjawab terhadapnya untuk memanfaatkan bakat tersebut setinggi mungkin. Penekanan terhadap konsep bahawa mengarang ini merupakan “fardhu kifayah” kepada orang yang diberikan bakat oleh Allah s.w.t amat penting. Ini kerana, sesetengah seniman yang berbakat tidak memahami mengapa mereka berkarya? Mereka hanya berkisar kepada satu kegiatan khayalan yang adakalanya tanpa kawalan dan tahap ingatan kepada Allah s.w.t.

Tidak dapat dinafikan bahawa cerita atau maksud yang terkandung dalam karya sastera baik yang tersurat mahupun tersirat menggambarkan persepsi yang wujud dalam kotak fikiran pengarangnya. Bahkan sedikit sebanyak keperibadiannya mempengaruhi karyanya. Namun begitu, soal ingin membalas dendam atau melampiaskan sesuatu yang berasaskan hawa nafsu yang tidak tercapai dalam kehidupan adalah sesuatu yang bertentangan dengan Islam. Umpamanya apabila kita meneliti karya sastera yang dihasilkan oleh Hamka; Tenggelamnya Kapal Ven Der Wijck yang mengangkat tema cinta dua remaja di antara Zainuddin dan Hayati. Sekiranya mengikut teori Barat, maka ia menggambarkan cita-cita “cinta” yang tidak kesampaian oleh Hamka yang terbuku jauh di lubuk hatinya kemudiannya dijelmakan menjadi sebuah novel. Sebaliknya Hamka sendiri ingin menampilkan satu contoh “percintaan” yang bersandarkan kepada rasa hormat dan tidak melampaui batas akhlaq dan agama. Meskipun pada mulanya Hamka dikecam oleh sebahagian ulama’ yang sezaman dengannya kerana seolah-olah beliau telah menghalalkan percintaan. Namun begitu, beliau seorang yang realistik, yang mana beliau melihat bahawa masalah percintaan adalah satu masalah yang secara kebiasaannya timbul di antara lelaki dan perempuan apabila mereka bercampur dan bergaul sesama mereka. Apatah lagi faktor kemodenan yang banyak mempengaruhi kehidupan para remaja. Maka penghasilan novel ini sedikit sebanyak memberi ukuran bagaimana batas percintaan di antara dua orang remaja. Mungkin ia boleh menjadi alternatif kepada novel yang membicarakan soal-soal cinta yang bercanggah dengan Islam.

Di samping itu Hamka juga menghasilkan novel yang bertajuk Merantau ke Deli dan Di bawah Lindungan Ka’abah. Novel “Di bawah Lindungan Ka’abah” umpamanya membicarakan soal perjuangan seorang anak muda menentang penjajahan Belanda di Indonesia. Gambaran cerita dalam novel ini bukan cita-cita yang terbuku dan tidak berkesudahan dalam jiwa Hamka yang dilepaskan penuh geram melalui karya tersebut. Sebaliknya, ia adalah gambaran semangat daya juangnya yang diluahkan demi kerana Allah untuk menaikkan semangat muda-mudi pada zamannya untuk bangkit menentang penjajahan Belanda. Walaupun maksudnya hampir sama tetapi bezanya ialah sastera Islam merupakan sastera yang bermatlamat untuk mendidik dan mengubah manusia, bukan sastera yang tidak bermatlamat yang hanya bersandarkan kepada khayalan yang tidak sampai ke mana. Ada yang berpendapat bahawa, Hamka telah menyadur 'Novel Tenggelamnya Kapal Ver Der Wijck' dari 'Novel Majdulin' dan 'Novel Di Bawah Lindungan Kaabah' dari 'Novel al-Yatim' oleh Manfaluthi. Walaupun di sadur, Hamka berjaya menghadirkan unsur unsur keaslian mengikut imiginasinya, dengan menyesuaikan watak, latar, plot, falsafah mengikut suasana Islam Melayu di Nusantara. Novel ini memberi kesan yang besar kepada pembaca di kepulauan Nusantara. Nilai imaginasi yang diketengahkan oleh Hamka ini sebenarnya satu contoh yang mithsali kepada para pengkarya hari ini. Hamka telah berjaya menerapkan nilai nilai yang positif seperti; akhlaq, kemanusiaan, intelektual, perjuangan, semangat, jihad, kegigihan dalam kehidupan yang terangkum kesemuanya dalam diri Zainudin. Walaupun ada bibit bibit putus asa dalam cinta dan kehidupan tetapi itu sekadar

cerita yang menjadi kebiasaan manusia dan masyarakat. Secara keseluruhannya, Hamka berjaya menanamkan perasaan positif menerusi karyanya kepada pembaca. Inilah yang disebut oleh Dr. Najib al-Kailani sewaktu mengagaskan tujuh unsur penting 'Teori sastera Islam' antaranya; menumbuhkan perasaan positif dalam pemikiran dan diri pembaca (Najib al-Kailani, 1407H: 36).

Dalam membicarakan perbezaan di antara konsep Barat dan Islam, Shahnnon sependapat dengan Ahmad Yusuf Ali yang mana “sastera sama juga dengan seni-seni yang lain tidak bercanggah dengan Islam sekiranya kebenaran hakiki itu dijadikan landasan dalam proses penciptaan”. Mengikut Ahmad Yusuf Ali lagi, “bahawa seorang seniman yang sempurna ialah seorang yang cuba menjadi manusia yang sempurna”. Kesempurnaan sesungguhnya mungkin tidak tercapai dalam hidup ini, tetapi harus menjadi cita-cita setiap insan, terutama mereka yang ingin menjadi seniman-seniman ulung (Shahnnon Ahmad, 1991: 419).

Shahnnon menjelaskan bahawa, senario sastera di Malaysia berada di persimpangan di antara fahaman Barat yang menganjurkan “Freedom of Expression” dan asas serta kefahaman Islam yang dimiliki oleh para seniman. Namun begitu, mengikutnya sudah terdapat bayangan sastera ke arah membebaskan imaginasi dan emosi tanpa kawalan dan juga karya-karya yang sulit untuk difahami. Gejala ini mengikutnya perlu dibendung dengan segera. Seterusnya beliau menyarankan dua perkara yang perlu diingatkan dalam usaha menuju ke arah tujuan suci ini. **Pertama;** sentiasa sedar status kita sebagai makhluk Allah dan hubungan kita dengan manusia. **Kedua;** sudah wujud golongan yang berpegang kepada prinsip “Freedom of Expression” dan mereka akan cuba untuk menarik sesiapa sahaja bersama-sama mereka dan bergelumbang dalam khayalan tanpa batasan (Shahnnon Ahmad, 1991: 420).

Pendisiplinan penulis ke arah membina sasterawan Islam prolifik (keperibadian sasterawan)

Dalam persoalan ‘pendisiplinan penulis ke arah membina sasterawan prolifik’ Shahnnon menekankan bagaimana membina proses memperadatkan penulis kepada tatasusila kesusasteraan yang selari dengan kehendak Islam supaya natijahnya dapat melahirkan sasterawan Islam yang sebenar.

Di dalam kaedah pendisiplinan ini, Shahnnon membahagikannya kepada **dua tahap. Pertama; proses pendisiplinan terdahulu.** Proses ini melibatkan pembentukan peribadi sasterawan itu sendiri, yang meliputi statusnya dalam hubungan sesama insan dan bukan insan dan bagaimana hubungannya dengan Allah s.w.t. Seterusnya ia melibatkan bagaimana persepsi falsafah hidupnya terhadap asal kejadian insan, kefitrahan insan, tujuan kewujudan dan arah perjalanannya, sumber asasi yang perlu dipegang (otentik), dan batasan-batasan yang digariskan demi untuk kesejahteraan hidup. Menurut Shahnnon, perkara-perkara ini amat penting di dalam membentuk hala tuju seorang sasterawan Islam. Menurutnya lagi, “proses pendisiplinan terdahulu” ini amat penting kerana, ia merupakan asas dalam proses berkarya. Ini kerana, sekiranya ada di kalangan sasterawan Muslim hari ini yang belum jelas kedudukannya sebagai insan Muslim kerana belum berkesempatan melalui “proses pendisiplinan terdahulu” barangkali agak sulit baginya untuk menerima konsep sastera Islam yang dikemukakannya. Ini kerana, bagi Shahnnon tidak mungkin sastera Islam dilahirkan oleh mereka yang tidak memahami sepenuhnya proses kefahaman Islam, kerana ia dilahirkan (diciptakan) dalam wawasan yang berlainan untuk keperluan yang berlainan. Beliau menegaskan bahawa, kelainan ini bukan hanya daripada perspektif pandangan semesta pengarang yang menjadi penentu dan penggerak utama dalam daya kreativitanya, tetapi juga kelainan dalam ciri-ciri penting

organisasi karyanya, kaedah kreativitinya dan juga keberkesanan karya yang diniatkan oleh pengarang untuk pembaca (Shahnon Ahmad : 423). Di dalam proses berkarya ada tiga pihak yang berlainan tetapi saling berinteraksi dalam persoalan karya sastera. Iaitu; pencipta karya (pengarang), karya itu sendiri dan penerima karya (pembaca). Manakala, dari sudut Islam pula ada tiga kategori pengarang secara umum; yang kafir, yang munafiq dan yang beriman. Dalam konteks sastera Islam kita hanya berhadapan dengan sasterawan yang beriman. Sebagai sasterawan yang beriman, dia perlu memahami Islam, dan mendalami kerangka Islam yang sebenar dalam erti kata lain memahami dan melalui “proses pendisiplinan terdahulu” yang telah dibincangkan sebelum ini. Dia juga perlu faham seseorang pengarang bukan hanya pengarang semata-mata tetapi sekaligus sebagai hamba Allah. Dia perlu memahami bahawa “pengalaman” yang kemudiannya dicetuskan dalam bentuk kreativiti sastera bukanlah bersifat mutlak tetapi ia perlu bergantung kepada sumber yang lebih mutlak iaitu al-Quran dan Sunnah. Oleh yang demikian, dalam konteks kerangka Islam (Weltanschung Islam) dia amat tahu dan yakin di mana sebenarnya dia berada; termasuk dalam situasi penciptaan karya sastera. Ini juga termasuk segala faktor-faktor lain yang melahirkan karya sastera seperti bakat, intuisi, imaginasi, inspirasi, kepenyairannya, daya eksploitasi dan manipulasi bahasanya, kaedah dalam membina kisah-kisah yang direkanya dan seumpamanya. Segalanya ini bukan hak mutlak yang bebas tetapi ia adalah terikat dengan Allah s.w.t (Shahnon Ahmad : 423-424). Seseorang sasterawan Muslim perlu memahami sepenuhnya bahawa dia adalah insan istimewa yang diberi bakat untuk mencipta, maka dia perlu mengeksploitasi sepenuhnya bakatnya itu demi untuk menghargai anugerah Allah s.w.t. Perlu diingat bahawa proses pengeksplotasian dalam proses berkarya tidak boleh menyongsang dari “Weltanschung Islam” (kerangka Islam) yang mendasari kehidupannya, dan amat berlawanan dengan kebebasan mengarang yang diamalkan dalam tradisi sekular moden. Mengikut Shahnon lagi bahawa sasterawan Islam perlu memahami sumber-sumber inspirasi, tahap-tahap perasaannya dan bakatnya di dalam mengeksploitasi bakatnya. Semuanya perlu di bawah pengawasannya (consciousnessnya) sebagai insan, dan bukan dalam pre-consciousness (di luar pengawasan fikiran), seperti yang dipelopori oleh Sigmund Freud yang menjadi sumber yang authentic dalam proses pengkaryaan mengikut tradisi sekular moden (Shahnon Ahmad : 424).

Mengikut Shahnon lagi, originaliti berkreatif mengikut Islam bukan lahir dalam “proses berkarya” (nilai autonomi) seperti yang difahami dalam tradisi sekular moden tetapi keasliannya adalah terhasil daripada kebijaksanaan, keluhuran dan kepakarannya mengadunkan segala ciri karya mengikut genre sasteranya selaras dengan “Weltanschung Islam” (kerangka Islam) dalam pengertian dirinya sebagai insan yang mendapat ilham dari Tuhan. Beliau mampu untuk menghasilkan konsep “beauty and truth” iaitu keindahan dan kebenaran seperti yang dibicarakan oleh Ibn Khaldun dalam buku al-Muqaddimah (Shahnon Ahmad : 425). Keindahan dan kebenaran yang dihasilkan oleh sasterawan Islam pada hakikatnya adalah hasil dari proses “تَزْكِيَةُ النَّفْسِ” (tazkiah an-nafs) yang dilalui oleh sasterawan

Islam dan ia sudah semestinya berbeza dari seorang kepada seorang yang lain.

Seterusnya Shahnon melihat bahawa banyak sekali para sasterawan hari ini yang gagal menampilkan karya yang mempunyai unsur keindahan dan kebenaran. Ini kerana kurangnya penghayatan mereka terhadap Islam. Karya yang mereka lahirkan hanya bersifat “sepintas

lalu” yang tidak memberi kesan kepada pembaca, dan kalaupun ia memberi kesan ianya membawa kesan yang negatif yang kosong dari nilai-nilai ilmiah dan akhlaq Islam. Oleh itu, beliau menyarankan agar tidak menjadi pengarang sepintas lalu, maka pengarang perlu kembali kepada soal yang utama iaitu mendisiplinkan dirinya sebagai insan yang diberi amanah dan tanggungjawab. Dan sebagai langkah awal terhadap merubah sikap dari menjadi “pengarang sepintas lalu” kepada “pengarang yang berasaskan nilai intelektual” di dalam menghasilkan karya, yang mampu menyelidik dan menyoal kebenaran dan kepalsuan seterusnya menerapkan kebenaran dalam proses pengkaryaan beliau menampilkan teori “S2Q” iaitu (soal selidik al-Quran). Pegangan ini paling penting diamalkan kerana ia sumber yang asli, apatah lagi apabila menemui jalan buntu dan menempuh ujian-ujian dalam segala urusan (Shahnon Ahmad : 426).

Kedua; “proses pendisiplinan para penulis dalam hidup intelektualnya”. Kehidupan intelektual yang utama sesudah melalui “proses pendisiplinan terdahulu” ialah berkreatif dan sering berusaha untuk meningkatkan daya kreativitinya supaya pembinaan dan perkembangannya terarah kepada puncak kecemerlangan. Sasterawan perlu mengelakkan diri dari terlibat dalam kegiatan yang kurang penting yang boleh mengganggu kegiatan kreativitinya. Shahnon berpendapat bahawa penulis hari ini tidak mempunyai masa yang cukup untuk berkreatif secara serius; apatah lagi untuk renungan, penyelidikan, penyoalan, pemusatan idea dan konsentrasi kerana banyak waktu dilibatkan dalam perkara luaran yang tidak ada kaitan dengan bidang kesusasteraan. Oleh itu, untuk menjadi pengarang yang cemerlang dan berjaya seseorang itu perlu serius dalam lapangannya, seterusnya beliau bersetuju dengan pendapat Ahmad Von Denffer (Ahmad Von Denffer, 1985) dalam soal ini apabila Ahmad mengemukakan formula “MSC” iaitu what **must** be done, what **should** be done, what **can** be done (Shahnon Ahmad : 427).

Oleh kerana para penulis hari ini tidak serius dalam bidang mereka bahkan menyibukkan diri dalam bidang lain, maka mereka tidak mampu untuk melahirkan karya yang berasaskan intelek dan mempunyai nilai-nilai keislaman yang tinggi. Mereka tidak mampu untuk keluar dari “kerangka sekular” yang telah mendominasi mereka bahkan mendominasi seluruh dunia pemikiran umat. Untuk menjadi sasterawan Islam yang prolifik, seterusnya membentuk sastera Islam di tengah kancah dan dunia sekular, mereka perlu mahir memilih butir-butir mutiara di celah jutaan serpihan kaca.

Pendisiplinan penulis ke arah membina sasterawan Islam prolifik (aspek penghasilan karya)

Seterusnya aspek kedua yang ditekankan oleh Shahnon selepas dua kaedah pendisiplinan yang sebelumnya ialah penekanan kepada penghasilan “karya”. Karya merupakan medium yang amat penting di antara penulis dan pembaca. Kaitan karya dengan penulis ialah penulis dengan bakat dan daya kreatif serta segala kesedaran yang wujud dalam kerangka (Weltanschung) Islam, mencipta karya melalui genre-genre tertentu mengikut minat dan dayanya. Karya tersebut melalui beberapa tahap peringkat yang direka bentuk oleh pengarang khususnya di dalam memilih kandungan dan mengolah kandungan. Aspek pemilihan kandungan dan pengolahan kandungan inilah yang menjadi persoalan utama dalam penciptaan karya sastera kerana keseimbangan di antara seni dan isi akan menentukan mutu kecemerlangan karya. Apabila karya tidak diolah tanpa kesepaduan yang sempurna, maka ia akan menjatuhkan darjatnya sebagai karya sastera. Seterusnya Shahnon menegaskan bahawa,

subjek dalam mana-mana karya kreatif ialah “manusia” (الإنسان). Oleh yang demikian, dengan penuh pengalaman kemanusiaannya, baik dalaman mahupun luaran pengarang menampilkan aksi-aksinya. Manusia ditampilkan dengan kaedah-kaedah yang khusus dalam karya supaya terhasil keberkesanan mengikut tuntutan estetika seni yang difahaminya (Shahnon Ahmad : 428).

Seperti mana yang telah dijelaskan sebelumnya, bahawa Shahnon sependapat dengan Ali Shariati dalam memberikan pengertian tentang manusia. Beliau membahagikan manusia kepada insan (الإنسان) dan bashar (بشرية). Maka dalam karya “sastera Islam” menampilkan watak manusia-manusia ini samada insan atau بشرية kerana manusia dalam dua watak ini adalah nyata, dan karya sastera tidak boleh lari daripada realiti. Shahnon menekankan apa yang menjadi keunikan sastera Islam ialah kaedah penampilan manusia samada dalam bentuk insan atau bashar. Kaedahnya mestilah yang terarah kepada keperihalanan insan mengikut tuntutan estetika Islam. Subjek karya mengikut tuntutan Islam ini difahami andainya “**konsep proses pendisiplinan terdahulu**” telah dilalui oleh penulis. Pada tahap itu jelas bahawa dalam kehidupan insan ada tiga entiti yang sering berinteraksi; dirinya, alam persekitarannya yang meliputi (insan-insan, bashar-bashar, bukan insan dan bukan bashar) dan yang ketiganya ialah Allah. Beliau menegaskan bahawa unsur manusia ini bukan hanya manusia yang ditampilkan oleh penulis-penulis mengikut tradisi sekular moden, tetapi manusia yang berentitikan kebinatangan dan kemanusiaan. Garis perbezaannya adalah mengikut ukuran dan kehendak Islam dan kefahamannya. Beliau menambah, oleh kerana manusia dan pengalaman yang melingkunginya menjadi subjek penting dalam karya, maka ilmu tentang manusia perlulah diketahui oleh penulis sedalam mungkin. Dan untuk merujuk watak dan gelagat manusia yang paling asli ialah al-Quran dan al-Sunnah (Shahnon Ahmad : 428-429).


Shahnon menjelaskan bahawa, terpengaruhnya banyak atau sedikit penulis-penulis Islam dengan aliran tradisi sekular seperti existentialisme (وجودية) dan romantisme (رومانسية) dan seumpamanya dan akhirnya memuncak kepada fahaman komunis kerana manusia terasing dan tersisih serta putus perhubungan bukan sahaja sesama manusia dan makhluk lain tetapi juga dengan Maha Pencipta. Hasil tindak balas manusia dengan aliran sastera moden, telah membuahkan keadaan-keadaan yang asing seperti kegelisahan sepanjang waktu, perkara yang songsang dari fitrah, putus asa, kesepian, kehilangan aqal, sikap apati, pesimistik, tidak terurus dalam segala urusan, kekosongan erti dan sebagainya. Mengikut Shahnon, ini adalah realiti dalam masyarakat hari ini hasil daripada terpengaruh dengan pelbagai aliran daripada tradisi sekular moden dan hasil daripada hakisan nilai murni dalam Islam (Shahnon Ahmad : 429).

Seterusnya, Shahnon melihat di samping mempunyai kesedaran yang tinggi terhadap Islam dan melalui proses pendisiplinan tahap satu dan dua, seseorang sasterawan Islam perlu menguasai kaedah **pertama; “pencerekaan dan kepuisian”** demi untuk melahirkan sastera Islam yang bermutu. Apa yang dimaksudkan dengan kaedah pencerekaan dan kepuisian ini bukanlah seperti yang difahami mengikut kaca mata sekular, tetapi sebaliknya satu kaedah pengkaryaan yang mampu menyedarkan dan membangunkan manusia (bashar-بشر) menjadi insan dan dengan sifat keinsanan itu memacu ke arah kecemerlangan. Dan maksud kecemerlangan itu terangkul dalam kerangka Islam (Weltanschung Islam) yang menjadi matlamat penulis sastera Islam. Seterusnya beliau menyimpulkan ciri-ciri kecemerlangan itu

ialah teknik pengolahan karya seperti memanipulasi sifat-sifat, aksi-aksi dan peristiwa-peristiwa yang baik agar kemuliaan tertonjol dan mengatasi sifat-sifat yang tidak baik. Seterusnya kemuliaan, kebaikan dan kebenaran akan mengatasi kehinaan, kejahatan dan kepalsuan. Kemampuan dalam menguasai kaedah “pencerekaan” ini juga melibatkan kaedah membentuk watak insan dalam cerita iaitu; aspek-aspek individualiti, konflik-konflik luaran dan dalaman, perubahan dalaman dan luaran, cara meleraikan kebuntuan, penentuan dan pemilihan antara yang benar dan yang palsu, perhubungan antara manusia dengan manusia sebagai jalan cerita, perhubungan antara manusia dengan bukan manusia sebagai latar demi untuk menjiwai karya dan perhubungan dengan Maha Pencipta sebagai penentu yang hak perlulah diolah seindah dan sebijak yang mungkin supaya kesannya bukan sahaja terarah kepada “kecemerlangan” tetapi jelas yang mana palsu dan yang mana benar dan kepalsuan tetap hancur akhirnya (Shahnon Ahmad : 431).

Untuk membentuk sasterawan Islam prolifik di samping memiliki kemampuan dalam kaedah pencerekaan, **kedua; mereka juga perlu memiliki kemampuan dalam “kaedah menyampaikan sesuatu”**. Mengikut Shahnon ianya amat sensitif dan perlu dilakukan secara sastera penuh kemesraan dan keindahan. Penyampaiannya amat perlu dilapisi dengan gaya bahasa yang hidup yang kadang-kadang tersirat penuh kerahsiaan untuk direnungi oleh pembaca. Ringkasnya, ia bukan terlalu mendalam maknanya sehingga menjadi kabur dan tidak difahami oleh sesiapa malah pengarang sendiri. Ianya juga tidak terlalu tersurat (terang) sehingga dipaksa pembaca untuk membaca tanpa sebarang keindahan. Ini kerana, ia lari dari kaedah seni yang mementingkan keindahan. Oleh itu, untuk menguasai kaedah seni dalam berkarya mereka perlu terlebih dahulu menguasai bahasa dan perlu pakar dalam permainan bahasa mengikut kaedah sastera. Penulis perlu mempunyai bakat yang besar dalam pengalaman gaya bahasa yang hidup, bernas dan jitu supaya kesan yang diharapkan benar-benar terbenam di hati dan bertapak di sanubari pembaca. Mengikut Shahnon, dewasa ini terdapat banayak novelis, penulis cerpen, penyair dan penyajak, tetapi mereka tidak mempunyai bakat dalam kreativiti bahasa. Mereka tidak ada bakat dan tidak berusaha untuk menjadikan gaya bahasa itu sebahagian daripada identiti keperibadian mereka. Akibatnya, karya mereka tidak menghala ke arah kecemerlangan. Fakta ini disokong oleh Abd Samad Said dan Dato’ Prof Ismail Hussein (Shahnon Ahmad : 433).

KONSEP SASTERA ISLAM MENGIKUT SHAHNON AHMAD DALAM BENTUK CARTA.




SASTERAWAN ISLAM: 1) Melalui proses pendisiplinan terdahulu tahap satu.

2) Melalui proses pendisiplinan intelek para penulis tahap dua.

3) Menguasai kaedah pencerekaan dan kepuisian

4) Menguasai bahasa dalam kaedah menyampaikan sesuatu.

5) Mempunyai kebebasan mengikut kacamata Islam.



Daripada konsep yang ditampilkan oleh Shahnnon jelas kepada kita bahawa beliau cuba menampilkan satu konsep yang “realistik”, apa yang perlu dilakukan dan dihadapi oleh seorang yang ingin menjadi sasterawan. Beliau menyentuh soal-soal yang kecil dan liku-liku yang bakal dihadapi oleh seorang sasterawan Islam. Pengalaman ini berkait rapat dengan aktivitinya sendiri yang telah melahirkan beberapa karya besar. Oleh itu, apabila beliau mengemukakan konsep, ideanya adalah mengenai diri beliau sendiri sebagai seorang sasterawan yang aktif yang menghasilkan tulisan kreatif, bukan sekadar teori yang jauh dari praktikal.

Mengenai idea dan konsep yang ditampilkan, beliau terpengaruh dengan idea Prof. Syed Muhammad Naquib al-Attas dan beberapa tokoh lain seperti Prof. Muhammad Kamal Hassan dan Ali Shariati. Beliau amat menekankan soal aqidah; seseorang yang ingin melahirkan sastera Islam dan juga tentang konsep pendidikan Islam sepertimana yang ditampilkan oleh Prof. Muhammad Kamal Hassan.

Seterusnya beliau menekankan kepada sasterawan Islam agar melazimkan diri mereka dengan al-Quran untuk mendapat ilham dan sumber berkarya, di samping itu menekankan soal penyucian jiwa (تطهير النفس) untuk mendapat kekuatan di dalam berkarya. Mengikutnya, “penyucian jiwa” inilah sumber kekuatan umat terdahulu yang menjadi barang yang hilang dari orang-orang beriman. Dalam erti kata lain Shahnnon berjaya membuktikan bahawa konsep sastera Islam yang dianggap di awal kemunculannya sebagai wujud dalam dunia “u-thopia” (khayalan) akhirnya dapat dijelmakan di alam nyata. Dengan bakat yang hebat sebagai sasterawan dan mempunyai tahap intelektual yang tinggi, beliau telah memberi sumbangan yang besar ke arah mengukuhkan konsep sastera Islam seterusnya merealisasikan kewujudannya di tengah-tengah masyarakat sekular. Seterusnya membuktikan bahawa sastera Islam adalah amat berlainan dan amat unggul jika dibandingkan dengan aliran-aliran pemikiran sastera yang lain. Dalam masalah yang disentuh oleh Shahnnon sebelum ini, berkenaan dengan penggunaan simbol, saya sependapat dengan Shahnnon bahawa Islam menolak penggunaan simbol-simbol secara berlebihan hasil dari imaginasi yang tidak terkawal. Namun begitu, tidak bererti bahawa Islam menolak daya imaginasi dan penggunaan simbol secara mutlaq. Di dalam al-Quran amat kaya dengan perlambangan dari ‘ibarah (expression), isyarah (allusion), lataif (superasensible-لطائف), mutasyabihah (allegorical-

مما تشابه), amsal (similitudes-أمثال) (Uthman al-Muhammady, 1976: 286-287) dan lain-lainnya.

Hakikatnya, keindahan al-Quran bukannya dari segi kandungan isinya semata-mata bahkan dari segi sasteranya termasuklah yang berkaitan dengan perlambangan. Oleh yang demikian, untuk mengkaji perkara ini telah timbul satu ilmu khusus yang dikenali dengan ilmu Balaghah.

Dalam konsep yang ditampilkan oleh Shahnnon, beliau menyentuh secara langsung perkara selok-belok yang berkaitan dengan bidang penulisan yang jarang disentuh oleh tokoh-tokoh lain. Seterusnya beliau mensyaratkan seseorang yang ingin menghasilkan sastera Islam di samping menganut aqidah Islam perlu melalui proses 'pendisiplinan terdahulu' kemudian 'proses pendisiplinan intelektual'. Kemudiannya, menguasai kaedah pencerekaan, menguasai

bahasa dalam kaedah menyampaikan sesuatu cerita dan mempunyai kebebasan untuk berkarya mengikut kacamata Islam. Natiujahnya, barulah seseorang itu berjaya melahirkan “sastera kerana Allah berhikmah untuk manusia”.

Keperibadian Shahnnon Ahmad dan kaitannya dengan 'kesusasteraan Islam'.

Untuk menganalisa “konsep sastera Islam” yang telah ditampilkan oleh Shahnnon adalah baik untuk kita meneliti perkembangan keperibadian beliau secara kronologi selaku seorang sasterawan, seterusnya bagaimana beliau boleh mencetuskan “konsep sastera Islam” selaku seorang sasterawan yang aktif.

Shahnnon dalam kesusasteraan Melayu moden merupakan tokoh penulis yang penting dan yang banyak diperkatakan. Penglibatannya dalam kesusasteraan Melayu bukan sahaja telah memperlihatkan pencapaian yang tinggi dalam penulisan sastera kreatif, tetapi juga telah menunjukkan kewibawaan dalam bidang esei dan kritikan. Beliau adalah contoh yang konkrit kepada penulis baru Melayu yang berjiwa maju, bersikap mempelopori, kritis dan mempunyai perspektif, bukan sahaja terhadap hasil karya penulis-penulis sezamannya tetapi juga terhadap karyanya sendiri. Beliau selalu berusaha meningkatkan mutu dan nilai penulisannya dan seringkali menarik perhatian pembaca dan peniliti sastera Melayu terhadap persoalan yang ditimbulkannya.

Dalam penulisan kreatif, Shahnnon mencuba dalam banyak bidang: sajak, cerpen, drama dan novel. Sebelum itu, Shahnnon sebenarnya bermula dengan kerja-kerja penterjemahan. Beliau berkenalan dengan cerpen-cerpen melalui terjemahan yang diusahakannya sendiri. Beberapa buah cerpen Guy de Maupassant (Perancis), Leo Tolstoy (Rusia), Edger Allen Poe (Amerika), Rabindraneth Tagore (India) telah diterjemahkannya ke dalam Bahasa Melayu. Bidang terjemahan merupakan kegiatan awal Shahnnon dan ini jarang dilakukan oleh penulis-penulis Melayu lainnya. Dalam erti kata lain, beliau terlibat secara langsung dengan pemikiran dan hasil karya penulis-penulis lain yang ternama untuk membina jati diri dan kekuatan intelektual peribadinya. Di samping mempunyai bakat yang luar biasa, beliau merancang dengan penuh teliti untuk membentuk hala tuju dalam proses pengkaryanya. Kajian pernah dilakukan terhadap aktiviti Shahnnon, khususnya dalam penulisan dan perkembangan kegiatannya itu dapat dilihat seperti berikut:

1954-1958: menghasilkan cerpen-cerpen terjemahan.

1959-1963: menumpukan kepada penulisan cerpen.

1964-1968: menulis cerpen, drama dan novel.

1969-1972: eksperimen dalam novel dan cerpen.

1973-1976: menulis cerpen dan novel dalam teknik baru serta menulis esei dan kritikan.

1977-kini: membicarakan teori sastera Islam dan mengambil pendekatan Islam di dalam berkarya.

Selepas mengusahakan terjemahan, Shahnnon mula menghasilkan cerpen dan diikuti dengan drama, novel dan esei kritikan. Meskipun Shahnnon telah meneroka dalam banyak bidang penulisan, ternyata kekuatan Shahnnon terletak dalam lapangan penulisan cerpen dan novel di samping esei dan kritikan.

Cerpen Shahnnon yang pertama berjudul “Bingung” tersiar dalam Majalah Guru, 24 Mei 1956. Keistimewaan yang terdapat pada cerpen Shahnnon selanjutnya adalah pada pemilihan tema yang secara berani didedahkannya. Kebanyakan cerpen-cerpennya memperlihatkan unsur-

unsur “sense of humor” di samping unsur sinisme yang cukup tajam. Keupayaan Shahnnon dalam berkarya dikatakan adalah kekuatan sensitiviti dan imaginasi sebagai seniman yang berhasil mengungkap segala konflik jiwa pelbagai peringkat dan golongan manusia.

Dengan bakat yang terpujuk disertai dengan kesungguhan mencipta dan belajar dari sastera dunia, kehadirannya di dalam dunia sastera Melayu dapat dirasakan. Shahnnon berjaya memperlihatkan identiti dan keperibadiannya yang tersendiri. Bahasa yang digunakan adalah bahasa rakyat, pendek, padat, mudah dan mempunyai kesan yang mendalam. Beliau amat gemar menggunakan perkataan, frasa dan ayat yang berulang-ulang, tetapi cukup memikat sehingga kesannya menjadi ikutan penulis-penulis muda.

Beberapa buah cerpen Shahnnon yang dianggap terkuat termasuklah “Babi Hutan” (Berita Minggu, 26 Ogos 1962), “Gelungnya Terpokeh” (Berita Minggu, 21 April 1963), “Siplis” (Berita Minggu, 30 Oktober 1960), “Riak” (Dewan Sastera, November 1976), “Kalau Ibu Sampai Takah Tiga” (Dewan Sastera, 1971), “Igau” (Dewan Sastera, Disember 1971), “Lagu Kit Kit Kit” (Berita Minggu, 13 Ogos 1972), “Tak Keruan” (Dewan Sastera, April 1973), “Kelapa Nan Sebatang” (Dewan Sastera, September 1973), dan “Perempuan” (Berita Minggu, 21 Oktober 1973).

Enam cerpennya yang terakhir ini telah terpilih memenangi Hadiah Karya Sastera sejak tahun 1971. Panel hakim berpendapat bahawa cerpen “Kalau Ibu Sampai Takah Tiga” memperlihatkan kekuatan Shahnnon yang seimbang dalam bidang teknik dan isi (1971); sementara “Lagu Kit Kit Kit” pula telah memperkukuhkan kedudukan Shahnnon sebagai sasterawan yang ulung. Cerpen “Perempuan” dianggap menarik kerana ceritanya dibawa dengan gaya yang klasik manakala cerpen “Kelapa Nan Sebatang” adalah cerita bercorak simbolik tentang manusia menghadapi hidup. Cerpen “Tak Keruan” pula, merupakan satu usaha eksperimen yang harus diberi penghargaan atas kecemerlangan penulisan Shahnnon.

Shahnnon menjadi lebih terkenal setelah menghasilkan novel pertamanya berjudul “Rentong” (1965). Sesudah menghasilkan novel keduanya berjudul “Terdedah” (1965), Shahnnon melahirkan pula “Ranjau Sepanjang Jalan” (1966) diikuti dengan novel-novel lain seperti “Menteri” (1967), “Protes” (1967), “Perdana” (1968), “Srengenge”⁶ (1973), “Sampah” (1974), “Kemelut” (1977) dan “Seluang Menodak Baung” (1978).

Novel “Rentong” dan “Ranjau Sepanjang Jalan” dianggap sebagai kemuncak kecemerlangan kegiatan penulisan novel Shahnnon khususnya di peringkat awal. Malahan sejak Shahnnon bergiat dalam bidang novel, perhatian para sarjana baik dari dalam mahupun dari luar negara terhadap hasil karyanya cukup memberangsangkan. Tokoh-tokoh sarjana antarabangsa seperti A. Teeow, A.H Johns, Harry Aveling, H.B Jassin, Edwin Thumboo dan lain-lain adalah antara beberapa orang yang menunjukkan minat yang mendalam terhadap novel-novel Shahnnon terutamanya terhadap novel “Rentong”, “Ranjau Sepanjang Jalan” dan “Srengenge”. Demikian juga perhatian yang diberikan oleh para sarjana dan peniliti sastera dari dalam negeri seperti Prof Ismail Hussein, Adibah Amin, Kassim Ahmad, Umar Junus dan lain-lain.

⁶ Nama Srengenge diambil dari Bahasa Tamil. Di Sik ada beberapa kumpulan pekerja Tamil yang kebanyakannya bekerja membuat jalan dan jambatan. Di samping itu, ada juga yang bekerja menorah getah di kawasan berhampiran dengan tanah perkuburan dan kawasan lain yang dikatakan mempunyai penunggu. Kematian negeri beberapa orang pekerja ini mewujudkan kepercayaan tentang adanya penunggu tempat-tempat itu yang tidak menyukai tingkah laku orang-orang yang mati itu. Srengenge merupakan salah satu daripada penunggu ini.

Allahyarham Tun Abd Razak bekas Perdana Menteri Malaysia pernah menggelarkan Shahnnon sebagai Victor Hugo Melayu (Tun Abd Razak, 1993: 181) kerana perhatiannya yang rapi terhadap penderitaan dan kemiskinan petani-petani Melayu seperti yang digambarkannya dalam novel “Ranjau Sepanjang Jalan”.

Shahnnon adalah penulis Melayu yang bersungguh-sungguh menerapkan masalah desa petani Melayu di dalam karya-karyanya, khususnya novel. Dalam mengabadikan kehidupan desa, lukisan-lukisan alam dan suasana Banggul Derdap menjadi hidup dan bermakna. Melalui novel “Rentong” ditemui nilai-nilai Melayu yang tulen, iaitu kesungguhan dan kebolehan mengatasi sebarang masalah tanpa memberontak kepada tradisi dan sikap kesederhanaan Melayu yang hidup dengan keadaan seada-adanya. Melalui novel “Rentong” juga, Harry Aveling (1979) menemui kekuatan, ketabahan, kebencian, keganasan, ketahyulan, keinginan untuk berubah dan hormat kepada nilai-nilai lama yang keseluruhannya menjadi ciri-ciri karya Shahnnon Ahmad.

Demikian juga perhatian yang cukup luas diberikan kepada novel “Ranjau Sepanjang Jalan” dan ini terutamanya apabila novel tersebut diterjemahkan oleh Adibah Amin dengan judul “No Harvest But A Thorn” (1972). Novel ini juga turut diterjemahkan ke dalam Bahasa Jepun, Swedish, Rusia, Icelandic, Belanda dan Danish. The Sydney Morning Herald, Australia (9 December 1972) menempatkan novel ini sebagai satu dari sepuluh buah novel yang memikat hati untuk tahun 1972. A.H. Johns dalam penelitiannya menyebut bahawa “Ranjau Sepanjang Jalan” menyerlahkan visi Shahnnon; manusia dalam alam yang tidak ada belas kasihan, tercipta dari tanah di bumi, terkutuk untuk hidup dan menjadi gila oleh kemungkinan yang terpaksa ditempuhinya (A.H. Johns, 1984: 9-12).

Demikianlah yang telah dapat dilihat tentang Shahnnon yang tidak sahaja memilih dunia atau persoalan yang tertentu tetapi juga pendekatan-pendekatan yang tertentu bagi sesuatu karyanya. Dari soal permasalahan hidup bangsanya seperti yang terlihat dalam novel “Rentong”, kemudian Shahnnon mengemukakan pula aspek yang agak berat iaitu tentang ketuhanan seperti dalam novel “Protes”. Penulisannya tentang politik orang Melayu dalam “Menteri” dan “Perdana”, tentang kepercayaan antara tradisi dan ilmu psikologi moden dalam Srengenge, sampailah kepada pembelaannya terhadap golongan nelayan, buruh dan petani yang menderita dalam “Kemelut” dan “Seluang Menodak Baung”. Melalui “Sampah” pula, Shahnnon mengemukakan pendekatan dengan memperkenalkan watak yang bersifat metafizikal dan dalam “Srengenge” digunakannya teknik pemindahan dan pertukaran sudut pandangan dari satu watak kepada watak yang lain untuk melukiskan peristiwa-peristiwa yang berlaku secara imbas kembali. Dan menurut panel Hadiah Karya Sastera, teknik demikian merupakan satu pembaharuan yang cuba dilakukan oleh Shahnnon. Atas dasar itu jugalah maka “Srengenge” terpilih memenangi Hadiah Karya Sastera 1973.

Antara kelebihan Shahnnon yang tidak dimiliki oleh orang lain ialah di samping berinteraksi dengan masyarakat dengan karya-karya sastera beliau juga berkomunikasi dengan masyarakat sastera melalui tulisan-tulisan non-kreatif iaitu melalui esei, kritikan, ulasan dan kertas kerja. Malahan ternyata dengan tulisan-tulisan demikian terpancar pemikirannya dengan lebih terencana dan lebih terarah. Berhubung dengan ini Shahnnon telah menghasilkan sejumlah tulisan deskriptif; melebihi 50 judul dan hampir keseluruhan tulisannya itu menjurus ke bidang kesusasteraan.

Dalam penulisan esei dan kritikan, Shahnnon bermula dengan tulisan-tulisan yang bercorak ulasan dan sorotan terhadap cerpen-cerpen yang dihasilkan oleh penulis-penulis sezamannya. Kemudian Shahnnon bersedia pula melibatkan dirinya dalam persoalan yang lebih kompleks terutamanya terhadap puisi moden. Bukunya "Penglibatan dalam Puisi" (1978) memperlihatkan kumpulan yang kritis tentang puisi yang secara langsung menunjukkan kekuatan Shahnnon di dalam penelahan dan pengkajian puisi. Malah dalam soal ini, beliau telah mengerjakan sebuah kajian akademik tentang puisi "Kabur" di peringkat Sarjana, iaitu tesisnya berjudul "Kekaburan Puisi A.S. Amin" (Pulau Pinang, USM 1975). Pada tahun 1979, terbit pula bukunya "Gubahan Novel" yang memuatkan tentang pembicaraan aspek-aspek novel khususnya tentang teori-teori penulisan novel. Terdapat lima buah esainya tentang proses penulisan beberapa buah novelnya seperti "Rentong", "Ranjau Sepanjang Jalan" dan "Terdedah".

Pada tahun 1975, panel Hadiah Karya Sastera telah memilih Shahnnon Ahmad sebagai penulis esei dan kritikan yang terbaik. Ini adalah ekoran dari ketekunannya mengumpulkan data-data ini sekitar polemik "Sajak-sajak Kabur", khususnya terhadap tulisan-tulisannya tentang karya-karya penyair Noor S.I, M.Ghazali dan A.S. Amin. Bagi Shahnnon, yang dikatakan "kabur" itu tidak wujud sama sekali. Sebenarnya pembaca dan peneliti sastera itu yang tidak berusaha mentafsir simbol-simbol yang digunakan oleh penyair (Shahnnon Ahmad, 1999: 47-53). Tetapi setelah mendekati "sastera Islam" beliau menolak kekaburan dalam berkarya dan menekankan soal mesej dan tema mesti jelas dan nyata.

Shahnnon Ahmad turut juga berbicara tentang sajak-sajak Chairil Anwar, Sapardi Djoko Damono, Goenawan Mohamad, Kassim Ahmad, Muhammad Hj Salleh, Latiff Mohiden, Zurinah Hassan, Kemala dan Jihaty Abadi. Waktu membuat perbandingan antara penyair mutakhir Indonesia dan Malaysia, Shahnnon menganggap adanya dua titik persamaan iaitu wujudnya bibit kesedaran tentang ketinggian tradisi, termasuk aspek nilai, norma, kepercayaan dan aspek kedua adalah di dalam pengaruh mempengaruhi dari segi teknik dan imej.

Pada tahun 1977 berlaku suatu perubahan yang amat ketara dalam dunia kesusasteraan tanah air. Hal ini menjadi seperti "perubahan besar" bagi Shahnnon dalam kegiatannya sebagai penulis, baik kreatif mahupun sebagai penulis deskreatif. Ini sebenarnya dapat dikaitkan secara langsung dengan "Simposium Sastera dan Agama" di Kuala Terengganu pada tahun 1973. Akan tetapi, simposium itu hanya dirasakan sebagai satu pelontaran idea ke tengah padang; tidak ada gema atau sahutannya. Cuma pada Julai 1977, barulah ada individu melemparkan gagasan yang menjadi penggerak kepada kesusasteraan Islam itu sendiri, iaitu Shahnnon sendiri. Dalam ruangan sudut pandangan Dewan Bahasa pada bulan Julai tahun 1977, beliau telah mengemukakan gagasan "sastera Islam" yang menurutnya merupakan sastera yang terhasil kerana Allah sebagai satu amalan.

Demikianlah jika diteliti selanjutnya sebarang tulisan yang berkaitan dengan konsep "sastera Islam" ini, secara langsung atau tidak, banyak penulis mengaitkan Shahnnon Ahmad sebagai orang yang menjadi pelopor dalam soal memberi taarif kepada "sastera Islam" ini. Shahnnon memang banyak menulis tentang konsep ini dan seperti yang telah diketahui, Shahnnon berhasil menerbitkan buku yang diberi judul "Kesusasteraan dan Etika Islam (1981)".

Shahnnon menegaskan bahawa kesusasteraan Melayu mestilah kesusasteraan yang dihasilkan kerana Allah dengan tujuan membawa hikmah kepada manusia. Andainya sebelum ini, beliau

banyak merujuk dan dekat dengan karya karya Coleridge, Freud, Carlyle, Danton, Johnson, D.H. Lawrence, Shelley, Tolstoy, T.S Eliot, Rabindrnath Tagore dan lain-lain, maka setelah mengasaskan pemikiran “sastera Islam” Shahnnon lebih dekat dengan pemikiran ahli-ahli fikir Islam seperti Abu ‘Ala al-Maududi, Muhammad Qutb, Syed Hussein Nasr, Fazlur Rahman, Prof. Syed Muhammad Naquib al-Attas, Abu Hassan 'Ali al-Nadwi, Maryam Jamilah dan lain-lainnya. Hijrahnya dalam bidang pemikiran tampak lebih ketara apabila lahirnya karya karya yang sarat dengan isi dan falsafah Islam.

Suara hati dan nurani Shahnnon tentang apa yang disebut sebagai “sastera Islam” tidak sahaja terpancar melalui karya-karya kreatifnya, tetapi juga melalui ceramah-ceramah dan kertas-kertas kerja yang dibentangkannya dalam majlis-majlis ceramah agama yang dianjurkan oleh badan-badan agama dan dakwah. Kegiatannya ini tidak syak lagi turut memperteguhkan sumbangannya terhadap pemikiran yang berhubung dengan sastera nasional, dalam masa yang sama pada tahun 1994, telah dibuka cawangan (رابطة الأداب الإسلامي العالمية بالبيزا) dengan nama Nadwah Seni Persuratan Islam Malaysia (NAFIS), (الأداب الإسلامي بالبيزا ندوة). Pertubuhan ini telah diketuai oleh Shahnnon buat pertama kalinya.

Sebagai seorang aktivis sastera, Shahnnon Ahmad telah memelopori penubuhan persatuan penulis di utara tanah air, GATRA dan Persatuan Penulis Nasional Kedah. Bersama GATRA, Shahnnon menjadi pemimpinnya selama kira-kira 14 tahun, amat aktif membawa ahli-ahli persatuannya untuk melahirkan karya-karya yang baik, iaitu melalui nasihat secara peribadi atau ceramah-ceramah. Sebagai ketua, Shahnnon satu ketika terkenal kerana gagasannya “Malay Power” menekankan peranan GATRA khususnya sebagai masyarakat Melayu. Beliau juga turut memperjuangkan hak dan kebebasan penulis terutama mengenai tema yang cuba diisytiharkan dalam peraduan mengarang. Beliau pernah berpolemik mengenai hal ini baik di akhbar dan majalah dan secara tidak langsung ia menghasilkan kesan tentang tema yang tidak selamanya menjadi syarat mutlak dalam sebarang peraduan mengarang sastera kreatif.

Lazimnya seorang seniman mempunyai sensitiviti yang tinggi terhadap masyarakat, begitu juga Shahnnon mempunyai jiwa yang halus dan amat sensitif dengan apa yang berlaku di sekelilingnya. Sepanjang kehidupannya beliau telah banyak mencuba dan menyertai pertubuhan yang bercorak Islam, umpamanya “Arqam”. Beliau telah keluar darinya setelah menyedari pertubuhan ini menyeleweng dari segi aqidahnya. Selepas berlaku pergolakan politik Sept 1998 di Malaysia yang membawa kepada pemecatan Timbalan Perdana Menteri Dato’ Seri Anwar Ibrahim, jiwanya begitu tersentuh sehingga menampakkan kemarahan yang luar biasa sifatnya. Perasaan ini dapat diselami dalam karyanya “Shit” yang mana isinya amat mengecam kerajaan Malaysia khususnya kepimpinan Perdana Menteri Malaysia dan menteri-menterinya. Begitu juga dengan novel “Muntah” dan novel “Gembala Tua dan Ternakan-ternakannya”.

Penyertaannya dalam Parti Islam Semalaysia (PAS) dan sebagai ahli parlimen pembangkang telah memperlihatkan kelainan dalam corak penulisannya. Sekiranya sebelum ini beliau hanya menyindir secara halus dalam karya-karya novel dan cerpennya. Sindiran ini menjadi tajam dan semakin berani setelah penglibatannya dalam bidang politik. Mungkin ini adalah gambaran sikapnya yang begitu kecewa dengan senario politik di Malaysia. Peribadi Shahnnon di samping cuba menjadikan Islam sebagai landasan pengkaryanya, beliau cenderung kepada aliran “Realisme”. Beliau amat peka dengan keadaan semasa dan amat terpengaruh

dengan “realiti” semasa. Oleh itu, beliau bersifat realistik apabila menghasilkan karya dan adakalanya terlalu panas dan berani.

Melihat kembali kegiatan Shahnnon dalam dunia kesusasteraan, ternyata beliau merupakan sasterawan Melayu yang telah berhasil memperkayakan kesusasteraan Melayu, sebagai seorang ahli fikir, ilmuwan dan sarjana kesusasteraan Melayu yang terkenal kewibawaannya. Di dalam dirinya bertaut erat bakat kreatif yang tinggi dan matang. Seakan akan keperibadian, keilmuan dan bakatnya seperti sejambak bunga dalam pasu yang indah, yang terkandung pelbagai warna yang saling lengkap melengkapi demi untuk menyerlahkan keindahannya. Itulah sebabnya hampir seluruh sarjana kesusasteraan Melayu moden memberikan sambutan dan tanggapan serta apresiasi mereka terhadap karya, tulisan dan kegiatan Shahnnon.

Kesimpulan

Konsep yang ditampilkannya adalah berdasarkan pengamatannya yang mendalam terhadap kehidupan dan pengalaman. Ia adalah “cernaan” dari pemikiran tokoh-tokoh Melayu dan Arab. Meskipun beliau tidak menguasai Bahasa Arab, namun begitu beliau terdedah kepada karya-karya terjemahan dari Timur Tengah, dan minatnya amat mendalam terhadap Islam sehinggakan ideanya terhadap “tasawwur Islam” jelas tergambar dalam karya-karyanya akhir-akhir ini. Ada sesetengah pihak telah membandingkannya dengan Syed Qutb, yang mana Syed Qutb bermula sebagai seorang sasterawan yang berfahaman sekular kemudiannya cenderung dan komited dengan Islam hasil pengamatannya terhadap al-Quran. Begitu juga dengan Shahnnon seorang yang berfahaman nasionalis Melayu pada asalnya dan ini terserlah dalam karya-karyanya di peringkat awal, akhirnya telah cenderung kepada pemikiran Islam hasil pengamatannya terhadap ajaran-ajaran Islam melalui karya-karya dalam Bahasa Melayu, Inggeris dan Arab (karya yang diterjemahkan). Mungkin beliau secara peribadi menghayati pemikiran Syed Qutb. Meskipun beliau bukanlah orang yang terawal membicarakan topik “sastera Islam”. Tetapi, selepas beliau menampilkan “konsep sastera Islam” topik ini telah menjadi popular dan mendapat sambutan dari ramai tokoh-tokoh lain, sehingga membawa perbincangan topik ini secara serius, melalui seminar, forum dan sebagainya. Ringkasnya, beliau ialah seorang tokoh sastera yang telah mencetuskan “konsep sastera Islam” melalui penghayatan dan penglibatannya dalam sastera sekian lama, setelah terlibat melahirkan genre-genre kesusasteraan, dan kajiannya terhadap karya tokoh-tokoh sasterawan lain dari seluruh dunia. Oleh itu, “konsep sastera Islam” yang telah ditampilkannya, boleh dikatakan “satu kesimpulan” terhadap kegiatannya selama ini dalam bidang kesusasteraan.

Bibliografi

- Abd Karim Hj Abdullah, 1993, **Tun Abd Razak, Tugas Hari Ini Lebih Berat Dari Masa-masa Lampau, ucapan merasmikan seminar kesusasteraan Nusantara di Balai Seminar Dewan Bahasa dan Pustaka pada 11 April 1973, dalam “Pemimpin dan Sasterawan”** Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Ahmad Von Denffer, 1985, **Research In Islam-Basic Principles and Practical Suggestions**, The Islamic Foundation: London.
- Ali Shariati, **Man and Islam**.
- Al-Quran al-Karim
- Arturo B. Fallico, 1962, **Art and Existentialisme**, Prentice-Hall: Inc.
- H. Endeng Saifuddin Anshari, 1980, **Agama dan Kebudayaan**, Penerbit Bina Ilmu: Surabaya.

- Shahnon Ahmad, 1991, **Ciri-ciri Penting Melahirkan Kesusasteraan Islam dalam Sastera Sebagai Seismograf Kehidupan**, Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Shahnon Ahmad, 1991, **Nilai Imaginasi Menurut Islam, dalam Sastera Sebagai Seismograf Kehidupan Manusia**, Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Shahnon Ahmad, 1991, **Sastera Islam: Sudut Pandangan dalam Sastera Sebagai Seismograf Kehidupan**, Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Shahnon Ahmad, 1999, **Polemik dan Pergolakan Puisi Kabur di Semenanjung Malaysia**, dalam *Sastera Sebagai Seimograf Kehidupan*, Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Shahnon Ahmad, 1999, **Pendisiplinan Penulis Kearah Membina Sasterawan Islam Prolifik**, dalam *Sastera Sebagai Seismograf Kehidupan*, Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Sofian Hussein, M.Thani Ahmad, Ahmad Kamal Abdullah, 1984, **Karya-karya Shahnon Ahmad: Manusia dalam Alam Tanpa Belas Kasihan, dalam Tanggapan Pembicaraan Karya-karya Shahnon Ahmad**, Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Thrall, Hibbard, Holman, 1960, **A Handbook to Literature (revised)**, The Odyssey Press: New York.
- Uthman al-Muhammady, 1976, **Peradaban Dalam Islam**, Pustaka Antara: Kota Bharu.
- Najib al-Kailani, 1407 H, **Madkhal Ila al-Adab al-Islami (Bahasa Arab)**, Kitab al-Ummah: Qatar.